



3

PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK

LAPORAN EKONOMI **2013/2014**

Prestasi Ekonomi dan Prospek

Tinjauan

Pertumbuhan diterajui oleh permintaan domestik

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan walaupun menghadapi persekitaran luar yang lebih mencabar. Walaupun negara-negara maju, terutamanya AS dan Jepun menunjukkan tanda pemulihan yang lebih kukuh, cabaran baru muncul dalam tempoh separuh pertama 2013. Ketidaktentuan kekuatan pertumbuhan ekonomi China dan kemungkinan pengeciran program pelonggaran kuantitatif (QE) di AS telah menimbulkan keadaan ekonomi dan kewangan dunia yang lebih tidak menentu. Negara membangun yang berkembang pesat terutamanya, telah terjejas berikutan kebimbangan sama ada kekuatan ekonomi China dapat menyokong harga komoditi dan perdagangan serantau. Negara berkenaan juga menghadapi impak berikutan pengumuman Rizab Persekutuan AS (Fed) bagi pengeciran program QE3 yang meningkatkan ketidakstabilan kewangan dan mata wang akibat kebalikan aliran modal dunia.

Sehubungan ini, Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka turut terjejas, dengan eksport kasar mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 3.8% dalam tempoh separuh pertama 2013. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri yang kukuh dapat mengurangkan kesan negatif daripada sektor luar. Ekonomi mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 4.2% dalam tempoh tersebut. Namun demikian, dalam tempoh suku ketiga 2013, penunjuk ekonomi utama menggambarkan prospek yang lebih baik bagi jangka masa yang terdekat dan pertumbuhan yang lebih kukuh di AS, kawasan euro dan Jepun. Sementara itu, kebimbangan mengenai kemerosotan ekonomi yang mendadak di China telah berkurangan berikutan Indeks Pengurusan Pembelian (PMI)

pada Ogos 2013 meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh lima bulan. Prospek pemulihan yang lebih kukuh dalam kalangan ekonomi maju serta pertumbuhan KDNK yang sederhana tetapi mampan di China dijangka mewujudkan prospek positif bagi eksport Malaysia. Walaupun kesan pengurangan QE oleh Fed masih menjadi kebimbangan, KDNK benar Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan 4.5% – 5% pada 2013 (2012: 5.6%) disokong oleh ekonomi domestik yang berdaya tahan dan eksport yang semakin baik dalam tempoh separuh kedua 2013.

Dari sudut permintaan, pertumbuhan akan diterajui oleh aktiviti penggunaan swasta yang kukuh, aktiviti pelaburan yang cergas dan sektor luar negeri yang lebih baik. Aktiviti ekonomi domestik terus berkembang disokong oleh ekonomi yang pelbagai dan seimbang, sistem kewangan yang kukuh dan dasar makroekonomi yang pragmatik. Pelaburan swasta dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan, disumbang oleh perbelanjaan modal dalam semua sektor utama, khususnya dalam subsektor pembuatan berorientasikan domestik dan subsektor perkhidmatan berkaitan pengguna. Pelaburan awam dijangka meningkat didorong oleh perbelanjaan modal oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK), terutamanya dalam sektor minyak dan gas (O&G) dan utiliti. Sementara itu, penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil, pertumbuhan upah yang lebih tinggi, terutamanya dalam sektor berorientasikan domestik dan bantuan tunai kepada isi rumah yang disasarkan. Penggunaan awam dijangka meningkat berikutan kenaikan gaji kakitangan awam pada Julai 2013.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan akan disokong oleh perkembangan dalam semua sektor ekonomi. Seajar dengan permintaan domestik yang kukuh, sektor perkhidmatan dan pembuatan dijangka memacu pertumbuhan. Penggunaan domestik

yang kukuh dijangka meningkatkan pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta perkembangan yang mapan dalam telekomunikasi, kewangan dan perkhidmatan perniagaan. Sektor pembinaan akan terus meningkat, disokong oleh aktiviti yang lebih cergas dalam segmen kediaman dan projek infrastruktur awam utama dalam tempoh separuh kedua 2013. Sektor pembuatan akan sebahagian besarnya disokong oleh perkembangan kukuh dalam industri berorientasikan domestik. Subsektor elektrik dan elektronik (E&E) dijangka menunjukkan pemuliharan sederhana pada akhir tahun ini berikutan oleh jangkaan pemuliharan kukuh dalam kalangan negara maju dan usaha berterusan oleh pengeluar E&E untuk mempelbagaikan rangkaian produk bagi memenuhi citarasa pelanggan. Dalam segmen bukan E&E, pertumbuhan akan disokong oleh industri berkaitan pembinaan dan pengguna, khususnya subsektor automotif. Sementara itu, sektor pertanian dijangka terus berkembang mencerminkan keluaran yang lebih tinggi oleh minyak sawit mentah (CPO) dan komoditi makanan. Keluaran sektor perlombongan dijangka berkembang disokong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi berikutan pelaburan yang kukuh dalam sektor huluan O&G pada tahun-tahun sebelum ini.

Kedudukan sektor luar Malaysia dijangka kekal berdaya tahan, meskipun terjejas disebabkan oleh permintaan luar yang lemah dalam tempoh separuh pertama 2013. Sebagai sebuah negara perdagangan, akaun semasa negara sangat bergantung kepada eksport barang dan komoditi. Berdasarkan permintaan luar dan komoditi yang lebih rendah di sebalik perkembangan yang kukuh dalam pelaburan dan penggunaan swasta, pertumbuhan import terus mengatasi eksport. Keadaan ini menyebabkan lebihan dagangan yang lebih kecil. Sementara itu, akaun pendapatan primer dan sekunder serta perkhidmatan dijangka terus mengalami defisit. Oleh itu, lebihan akaun semasa bagi 2013 dijangka mengecil kepada RM26.6 bilion atau 2.8% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Dalam akaun kewangan, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dijangka meningkat, didorong oleh keyakinan

pelabur terhadap ekonomi Malaysia selepas Pilihan Raya Umum ke-13 dan prospek ekonomi global yang lebih baik dalam tempoh separuh kedua 2013. Walau bagaimanapun, aliran masuk modal jangka pendek dijangka tidak menentu, bergantung kepada tempoh pengurangan QE3 oleh Fed.

Inflasi keseluruhan dijangka meningkat dan mencatat purata 2% – 2.5% pada 2013 (2012: 1.6%). Peningkatan inflasi ini terutamanya disebabkan oleh pengurangan subsidi sebanyak 20 sen bagi harga bahan api domestik pada 3 September 2013. Namun demikian, inflasi akan diimbangi oleh harga tenaga dan makanan global yang sederhana. Laporan oleh The Food and Agriculture Organisation (FAO) pada Jun 2013 menunjukkan bahawa pasaran komoditi makanan dijangka lebih seimbang pada 2013 dan 2014. Bijirin seperti beras dan gandum secara khususnya dijangka mengalami keadaan yang lebih stabil dengan harga yang lebih rendah. Tekanan harga yang didorong oleh permintaan domestik dijangka kekal rendah, berikutan peningkatan produktiviti dan harga pengeluar yang lebih rendah yang akan mengekang tekanan permintaan disebabkan oleh kenaikan upah. Seajar dengan pengembangan aktiviti ekonomi, PNK dijangka berkembang 5.5% kepada RM955.1 bilion dengan pendapatan per kapita meningkat 4.2% kepada RM32,144 (2012: 4.9%; RM905.2 bilion; 3.6%; RM30,856).

Prestasi Mengikut Sektor

Semua sektor mencatat pertumbuhan positif dalam tempoh separuh pertama 2013. Pertumbuhan terus dipacu oleh sektor perkhidmatan sejajar dengan aktiviti perkhidmatan berorientasikan domestik yang kukuh khususnya, subsektor perdagangan borong dan runcit serta komunikasi. Sementara itu, perkhidmatan berkaitan perdagangan menyederhana berikutan permintaan luar yang lebih lemah. Pertumbuhan sektor pembuatan menyederhana disebabkan oleh permintaan luar bagi produk E&E yang lebih rendah. Sementara itu, sektor pembinaan mengekalkan pertumbuhan yang kukuh didorong terutamanya oleh aktiviti

JADUAL 3.1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor
2012 – 2014**
(pada harga malar 2005)

	Perubahan			Bahagian kepada KDNK			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	(%)			(%)					
	2012	2013 ¹	2014 ²	2012	2013 ¹	2014 ²	2012	2013 ¹	2014 ²
Pertanian	1.0	2.7	3.0	7.3	7.2	7.0	0.1	0.2	0.2
Perlombongan	1.4	2.2	3.1	8.4	8.2	8.1	0.1	0.2	0.3
Pembuatan	4.8	3.2	3.8	24.9	24.5	24.2	1.2	0.8	0.9
Pembinaan	18.1	10.6	9.6	3.5	3.7	3.9	0.6	0.4	0.4
Perkhidmatan	6.4	5.5	5.7	54.6	55.0	55.4	3.5	3.0	3.1
Tambah: Duti import	15.6	9.5	4.0	1.3	1.4	1.4	0.2	0.1	0.1
KDNK	5.6	4.5 – 5.0	5.0 – 5.5	100.0	100.0	100.0	5.6	4.5 – 5.0	5.0 – 5.5

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

kejuruteraan awam dan kediaman yang berterusan. Pertumbuhan sektor pertanian kembali pulih dengan keluaran CPO dan komoditi makanan yang lebih tinggi, sementara sektor perlombongan berkembang didorong oleh peningkatan keluaran gas asli.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan terus memacu pertumbuhan

Sektor perkhidmatan berkembang 5.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 6.2%), dipacu terutamanya oleh penggunaan domestik dan aktiviti pelaburan yang kukuh. Pada 2013, sektor perkhidmatan dijangka meningkat 5.5%, merangkumi 55% daripada KDNK (2012: 6.4%; 54.6%). Kumpulan **perkhidmatan pengantaraan** dianggar berkembang 5.3% (2012: 7.4%) disokong oleh subsektor komunikasi serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka meningkat 5.8% (2012: 4.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran.

Subsektor perdagangan borong dan runcit berkembang 5.4% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 6.3%) disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh. Segmen runcit meningkat 7.1% (Januari – Jun 2012: 7.7%) disokong oleh jualan yang lebih tinggi di pasar raya besar dan *departmental store*. Sehingga akhir Ogos 2013, sejumlah 189 pasar raya besar, *superstore* dan *departmental store* milikan asing (akhir Ogos 2012: 180) beroperasi di Malaysia, dengan sebahagian besarnya di Selangor (33.9%). Sementara itu, segmen perdagangan borong meningkat 4.9% (Januari – Jun 2012: 5.4%) dan menyumbang 2.1 mata peratusan kepada subsektor ini (Januari – Jun 2012: 2.3 mata peratusan). Prestasi ini disebabkan oleh aktiviti jualan borong barang isi rumah yang lebih tinggi dengan peningkatan 9.4% (Januari – Jun 2012: 12.2%). Walau bagaimanapun, segmen kenderaan bermotor berkembang pada kadar sederhana sebanyak 1.5% (Januari – Jun 2012: 4.4%) disebabkan oleh jualan kenderaan penumpang yang lebih perlahan. Pada 2013, subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka kekal sebagai penyumbang utama kepada keseluruhan sektor perkhidmatan merangkumi 26.1% dengan pertumbuhan 5.7% (2012: 26.1%;

JADUAL 3.2

Prestasi Sektor Perkhidmatan**2012 – 2014**

(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)		
	2012	2013 ¹	2014 ²	2012	2013 ¹	2014 ²
Perkhidmatan perantaraan						
Kewangan dan insurans	7.8	2.8	3.6	9.4	9.2	9.1
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	7.2	6.8	6.8	5.5	5.6	5.7
Komunikasi	9.2	9.4	9.6	3.8	4.0	4.2
Pengangkutan dan penyimpanan	4.9	5.2	6.2	3.6	3.7	3.7
Perkhidmatan akhir						
Perdagangan borong dan runcit	4.8	5.7	5.9	14.2	14.4	14.5
Penginapan dan restoran	5.4	5.7	6.6	2.5	2.5	2.5
Utiliti	4.3	5.1	5.5	2.5	2.5	2.5
Perkhidmatan lain	3.9	6.3	6.2	5.0	5.1	5.1
Perkhidmatan kerajaan						
Jumlah	9.5	5.0	4.4	8.0	8.0	8.0
Jumlah	6.4	5.5	5.7	54.6	55.0	55.4

¹ Anggaran.² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.







4.8%). Pertumbuhan ini dijangka disokong oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dalam persekitaran guna tenaga dan pendapatan yang stabil serta bantuan tunai Kerajaan.

Subsektor penginapan dan restoran berkembang 5.6% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 6.5%), mendapat manfaat daripada aktiviti pelancongan yang lebih rancak dan peningkatan kunjungan di rangkaian restoran. Nilai ditambah aktiviti penginapan meningkat 1.8% (Januari – Jun 2012: 4.2%) dipacu terutamanya oleh promosi pakej hotel dalam talian yang agresif. Sehingga akhir Jun 2013, jumlah penawaran bilik hotel meningkat 5.4% kepada 189,843 (akhir Jun 2012: 5.2%; 180,078), dengan Kuala Lumpur terus mencatat sumbangan tertinggi sebanyak 17.1% (akhir Jun 2012: Kuala Lumpur; 17.7%). Sementara itu, nilai ditambah aktiviti restoran merekodkan pertumbuhan 6.9% (Januari – Jun 2012: 7.4%) didorong oleh peningkatan perbelanjaan di rangkaian restoran makanan segera. Pertumbuhan

ini juga disumbangkan oleh pertambahan bilangan francais dalam sektor makanan dan minuman sebanyak 4.9% kepada 235 francais pada akhir Jun 2013 (akhir Disember 2012: 13.7%; 224), serta mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 35% daripada jumlah francais (akhir Disember 2012: 35%). Pada 2013, subsektor ini dijangka meningkat 5.7% (2012: 5.4%) disokong oleh perbelanjaan yang kukuh, terutamanya ketika musim cuti dan perayaan serta aktiviti berkaitan pelancongan yang lebih rancak.

Industri pelancongan dijangka mendapat manfaat daripada ketibaan pelancong yang meningkat 7.9% kepada 12.6 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 2.4%; 11.6 juta). Tiga negara penyumbang tertinggi ketibaan pelancong adalah dari Singapura (50.2%), Indonesia (9.9%) dan China (7.5%). Pasaran lain yang turut menyumbang kepada pertumbuhan industri ini adalah Thailand, India, Eropah dan Asia Barat. Pada 2013, ketibaan

CARTA 3.1

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan**Indeks Kuantiti Perdagangan Edaran (2008=100)****Langganan dan Kadar Penembusan Jalur Lebar****Langganan dan Kadar Penembusan Telefon Selular**¹ Anggaran.

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, tujuh pelabuhan utama, Malaysia Airports Holdings Berhad, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

pelancong dianggar mencapai 26.8 juta dan perbelanjaan sebanyak RM65 bilion (2012: 25 juta; RM60.6 bilion) mendapat manfaat daripada kempen awal promosi Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014.

Dalam tempoh separuh pertama 2013, *subsektor kewangan dan insurans* berkembang pada kadar sederhana sebanyak 2.9% (Januari – Jun 2012: 4.3%) disebabkan oleh pendapatan faedah bersih yang lebih rendah berikutan aktiviti pembiayaan yang lebih perlahan. Sehingga akhir Ogos 2013, jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat 9.3% kepada RM1,180 bilion (akhir Ogos 2012: 12.3%; RM1,080 bilion), dengan pinjaman kepada perniagaan berkembang 7.7% dan isi rumah sebanyak 11.9% (akhir Ogos 2012: 13.8%; 11.7%). Pinjaman kepada segmen perniagaan dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2013 disokong oleh pelaksanaan berterusan projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Sementara itu, pertumbuhan pinjaman kepada isi rumah dijangka kekal teguh selari dengan penggunaan swasta yang kukuh.

Prestasi sederhana subsektor ini sebahagiannya diimbangi oleh prestasi yang lebih baik dalam segmen insurans am. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, premium langsung kasar insurans am meningkat 6.8% kepada RM11 bilion, diperolehi terutamanya daripada perniagaan motor dan penerbangan. Tambahan pula, segmen insurans dijangka mendapat manfaat daripada pelbagai skim insurans yang diumumkan dalam Bajet 2013 untuk membantu peniaga kecil dan penjaja, nelayan, tentera, polis dan pelajar sekolah. Pada 2013, pertumbuhan subsektor ini dijangka sebanyak 2.8% (2012: 7.8%).

Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang 6.6% dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 7.3%), dipacu terutamanya oleh peningkatan perkhidmatan profesional dalam bidang kejuruteraan untuk industri O&G dan pembinaan; perkhidmatan komputer berkaitan perkakasan dan perisian; serta perkhidmatan perakaunan. Sementara itu,

pertumbuhan segmen harta tanah disumbangkan terutamanya oleh pasaran harta tanah yang bernilai tinggi. Pertumbuhan ini digambarkan oleh peningkatan nilai transaksi harta tanah kediaman yang sedikit pada 1% (Januari – Jun 2012: 8%) walaupun jumlah transaksi berkurang sebanyak 12.6% (Januari – Jun 2012: 1.5%). Pada 2013, subsektor ini dijangka meningkat 6.8% (2012: 7.2%).

Dalam tempoh separuh pertama 2013, *subsektor komunikasi* meningkat 9.4% (Januari – Jun 2012: 9.5%) didorong oleh pengembangan segmen selular berikutan penggunaan perkhidmatan data yang lebih tinggi. Pada akhir Jun 2013, langganan telefon selular berkembang 9.1% kepada 42.6 juta dan mencapai kadar penembusan 143.4% (akhir Jun 2012: 10.7%; 39 juta; 135.3%), dengan segmen prabayar mendominasi 83% daripada jumlah langganan. Pertumbuhan segmen selular dipacu oleh peningkatan pembelian telefon pintar mampu milik berikutan persaingan sengit oleh penyedia perkhidmatan. Tambahan pula, di bawah Bajet 2013, Kerajaan telah memberikan rebat RM200 secara *one-off* untuk pembelian telefon pintar generasi ketiga (3G) kepada 1.5 juta belia berumur 21 hingga 30 tahun dengan pendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Sehingga Ogos 2013, kira-kira 1.3 juta belia telah menuntut rebat tersebut.

Tambahan lagi, penggunaan perkhidmatan data yang lebih tinggi dicerminkan oleh peningkatan langganan 3G yang berkembang 36.2% kepada 16.4 juta (akhir Jun 2012: 23.2%; 12 juta), disokong oleh harga yang berpatutan dan tawaran pakej Internet mudah alih yang menarik. Mod komunikasi semakin beralih daripada perkhidmatan suara secara tradisional kepada perkhidmatan aplikasi Internet seperti *Skype* dan *Tango*, manakala perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) telah bertukar kepada perkhidmatan pesanan segera mudah alih seperti *WhatsApp* dan *WeChat*. Selain itu, pelancaran perkhidmatan generasi keempat (4G) *Long-Term Evolution* (LTE) dan penawaran pakej data yang pelbagai dan kompetitif akan terus mempergiatkan persaingan dalam industri telekomunikasi.

Memanfaatkan Internet Untuk Membangunkan Usahawan

Pengenalan

Internet telah memberi kesan ketara dalam kehidupan dengan mengubah cara bekerja, menjalankan perniagaan, membeli-belah, mencari maklumat dan berkomunikasi. Dalam era Internet, masyarakat, pasaran dan ekonomi menjadi semakin saling berhubung kait; pertukaran barang, perkhidmatan dan pengetahuan tanpa sempadan semakin meningkat; sementara penyebaran berita adalah serta-merta. Internet telah mendorong kepada perkembangan media sosial yang menghubungkan jutaan pengguna melalui *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *YouTube* dan blog. Lebih penting lagi, Internet telah memudahkan pembangunan perniagaan dalam talian dan melahirkan usahawan, penyanyi, pembuat filem, pencipta dan pencipta inovasi. Transaksi melalui e-dagang dianggarkan kira-kira sebanyak USD8 trillion¹ setiap tahun. Di beberapa negara maju, kira-kira dua pertiga daripada jumlah perniagaan mempunyai laman web, manakala satu pertiga daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan laman web secara meluas.

Memanfaatkan Internet

Internet boleh dimanfaatkan sebagai platform untuk mengembangkan idea baru serta memulakan perniagaan dan memajukan perniagaan sedia ada. Internet membolehkan pencipta inovasi dan industri perniagaan dari rumah memulakan perniagaan dalam talian tanpa melibatkan kos yang tinggi. Menjalankan perniagaan dalam talian tidak semahal seperti membuka premis perniagaan yang melibatkan kos overhed seperti sewaan, gaji dan bekalan pejabat. Masa yang diambil untuk mewujudkan satu domain dan laman web kurang daripada 30 minit jika idea asas, gambar dan teks sudah tersedia. Internet membolehkan usahawan meneroka pasaran global yang lebih luas untuk mempromosi dan menjual produk serta perkhidmatan mereka secara dalam talian. Selain itu, individu boleh bekerja dari rumah manakala perniagaan dalam talian boleh beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun.

Peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan, termasuk Internet boleh mendorong kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan dalam semua aspek rantai nilai. Satu kajian² baru-baru ini menunjukkan produktiviti telah meningkat 11% dalam kalangan PKS yang menggunakan laman web. Tambahan pula, usahawan yang menggunakan laman web dapat memupuk kreativiti dan inovasi serta persaingan. Sementara itu, respons kepada idea baru atau aplikasi boleh menjadi sangat pantas dan tersebar luas. Sesetengah syarikat global seperti Google, Facebook dan Twitter telah memanfaatkan Internet untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Peningkatan kepentingan perniagaan dalam talian juga telah terbukti di Malaysia, terutamanya dalam laman web penerbangan tambang murah, pengambilan pekerja, penjualan harta tanah, penerbitan buku, makanan segera, pakaian runcit dan promosi jualan harian. Sesetengah usahawan kecil tempatan di luar bandar juga telah berjaya setelah mengubah perniagaan konvensional kepada perniagaan dalam talian. Sebagai contoh, seorang usahawan rumpai laut dari Sabah telah meningkatkan pendapatan bulanan daripada RM450 kepada RM20,000, manakala seorang usahawan bantal kekabu memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM40,000.

Satu kajian oleh McKinsey, “*The Internet’s Impact on Aspiring Countries*” menunjukkan bahawa Internet telah menyumbang 4.1% atau sebanyak USD9.75 billion kepada KDNK Malaysia berjumlah USD238 bilion pada 2010. Prestasi ini meletakkan Malaysia di kedudukan 30 teratas dalam kalangan negara yang berkembang pesat di mana Internet berpotensi untuk mentransformasikan ekonomi.


¹ Sumber: McKinsey Global Institute, “*The Internet matters: The Net’s sweeping impact on growth, jobs and prosperity*”, Mei 2011.

² 2011 McKinsey survey of SMEs across selected economies.

CARTA 1

Kedudukan Indeks iKDNK¹

% Sumbangan kepada KDNK

¹ Eksport dan penggunaan produk dan perkhidmatan berkaitan ICT.² 2009.

Sumber: McKinsey & Company, "Online and upcoming: The Internet's impact on aspiring countries", Januari 2012.

Bilangan pengguna Internet di Malaysia telah berkembang pesat kepada 18 juta sehingga akhir 2012. Bilangan ini dijangka mencecah 25 juta menjelang 2015 sementara kadar penembusan jalur lebar isi rumah telah meningkat kepada 66.8% pada akhir Jun 2013. Tambahan pula, dengan kadar penembusan telefon mudah alih melebihi 100%, kini terdapat 42.6 juta langganan.

Statistik menunjukkan lebih banyak pengguna Internet di Malaysia merupakan pembeli berbanding penjual. Pada 2010, saiz pasaran urus niaga dalam talian di Malaysia sebanyak RM1.8 bilion³ dan dijangka mencecah RM5 bilion menjelang 2014. Perkhidmatan pelancongan, khususnya tiket penerbangan dan tempahan hotel telah menerajui pembelian produk dan perkhidmatan dalam talian, memacu Malaysia antara tiga negara teratas di Asia bagi purata perbelanjaan dalam talian pada tempoh 12 bulan⁴ yang lalu. Tambahan pula, pembelian melalui Internet telah dipermudahkan lagi dengan pembayaran elektronik melalui perbankan dalam talian atau kad kredit.

Peningkatan jumlah pengguna Internet dan pembeli dalam talian menggambarkan potensi pasaran yang luas untuk perniagaan dalam talian. Syarikat yang tidak mempunyai laman web atau menawarkan pembelian dalam talian perlu mengubah perniagaan tradisional mereka kepada perniagaan dalam talian supaya tidak kehilangan pengguna yang semakin meningkat. Tambahan pula, adalah penting untuk perniagaan menumpukan perhatian kepada pelanggan telefon mudah alih kerana bilangan mereka jauh melebihi pengguna Internet.

³ Nielson 2011.⁴ Visa e-commerce Consumer Monitor 2010.

Kebimbangan Mengenai Internet

Rakyat Malaysia semakin banyak menghabiskan masa melayari Internet berbanding media lain, seperti televisyen, radio dan surat khabar. Penggunaan Internet yang lebih luas adalah untuk rangkaian sosial. Beberapa statistik utama menunjukkan penggunaan media sosial yang meluas di Malaysia: kadar penembusan rangkaian sosial sebanyak 91%; satu daripada tiga minit yang digunakan dalam talian adalah untuk rangkaian sosial; 11.8 juta rakyat Malaysia dianggarkan mempunyai akaun *Facebook*; dan lebih daripada 80% rakyat Malaysia melayari Internet untuk mengakses *Facebook*.

Internet dan media sosial mempunyai aspek positif seperti memudahkan komunikasi, menghubungkan lebih banyak penduduk dan menjimatkan kos perniagaan, namun terdapat juga kebimbangan. Kebimbangan ini termasuk ketagihan mengakses media sosial dan penurunan produktiviti; memberi pendapat yang sensitif, menyenggung perasaan, negatif atau tidak tepat dan; kebimbangan keselamatan daripada perkongsian terlalu banyak maklumat peribadi; dan pendapat yang tidak diingini atau kesilapan yang boleh tersebar secara *viral*. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menggunakan Internet dan media sosial secara bijak. Penggunaan Internet dan media sosial boleh dibuat secara produktif untuk menginovasi dan mencipta atau memulakan perniagaan dalam talian.

Isu ICT PKS

Walaupun terdapat banyak manfaat daripada ICT, kebanyakan perniagaan di Malaysia, terutamanya PKS masih kurang menggunakan ICT kerana sumber kewangan yang terhad, kekurangan pengetahuan teknologi, serta kos juruteknik dan aplikasi perisian yang tinggi. Capaian Internet adalah rendah bagi PKS dan usahawan Malaysia disebabkan kos jalur lebar dan pendaftaran domain yang tinggi. Sebagai contoh, pada 2010, kos sebanyak USD143 dikenakan untuk mendaftar domain di Malaysia berbanding USD64 di Taiwan dan USD24 di AS.

PKS meliputi 97.3% atau 645,136⁵ daripada semua pertubuhan perniagaan di Malaysia, tetapi hanya kira-kira 100,000 perniagaan yang mempunyai laman web. Sementara hanya 20% daripada PKS menggunakan ICT secara meluas dalam operasi harian mereka. Pada 2010, penembusan jalur lebar dalam kalangan perniagaan di Malaysia adalah rendah pada kadar 33%. Perbelanjaan pengiklanan dalam talian juga rendah, hanya 1%⁶ daripada bajet perniagaan di Malaysia. Terdapat juga isu seperti keselamatan data dan rangkaian. Menurut PayPal, lebih banyak pengguna akan menambahkan pembelian dalam talian sekiranya aspek keselamatan dipertingkatkan.

Memandangkan penggunaan ICT yang rendah serta kurang memanfaatkan Internet dalam kalangan PKS dan usahawan untuk mengembangkan perniagaan mereka, adalah penting untuk mereka mengubah cara tradisional dalam menjalankan perniagaan. Penggunaan ICT juga akan membantu PKS dan usahawan meningkatkan produktiviti, manakala jualan dalam talian dapat menjimatkan kos dan mampu menjangkau pasaran domestik dan global yang lebih luas.

Inisiatif Kerajaan

Pelaburan Kerajaan dalam jaringan infrastruktur dan peraturan yang baik telah membolehkan perniagaan berkembang dan maju. Menyedari potensi dan manfaat memperkasakan PKS dan usahawan melalui Internet bagi memastikan mereka berinovasi dan berkembang, Kerajaan telah meningkatkan usaha dalam beberapa inisiatif seperti berikut:

- Program Digital Malaysia di bawah Dasar Transformasi Nasional, bertujuan mewujudkan satu ekosistem untuk menggalakkan penggunaan teknologi digital secara meluas dalam semua aspek ekonomi; serta menyediakan platform dan program untuk memupuk minat dan meningkatkan bilangan pengguna yang boleh menjana pendapatan melalui model perniagaan digital;

⁵ SME Annual Report 2011/2012.

⁶ Sumber: McKinsey & Company, "Online and upcoming: the Internet's impact on aspiring countries", Januari 2012.

- Peruntukan geran sebanyak RM24.5 juta untuk membiayai projek kandungan dalam peranti Internet mudah alih dan platform web oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC). Pembangunan Kandungan Bersepadu (ICON) merupakan program untuk melibatkan usahawan serta melatih dan membiayai mereka untuk menghasilkan kandungan tempatan dalam talian yang berkualiti tinggi untuk kegunaan global;
- Penyediaan insentif cukai ke atas perbelanjaan modal bagi perkhidmatan jalur lebar oleh penyedia kemudahan sambungan terakhir; pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan jalur lebar dan peralatan capaian pengguna; dan pelepasan cukai ke atas langganan jalur lebar;
- Pelaksanaan infrastruktur dan rangkaian jalur lebar melalui projek perkongsian awam-swasta jalur lebar berkelajuan tinggi dengan Telekom Malaysia Berhad;
- Penyediaan WiFi percuma di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Miri;
- Penubuhan pusat komuniti jalur lebar dan promosi pemilikan komputer peribadi bagi kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan jalur lebar menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Inisiatif ini adalah untuk meningkatkan penggunaan ICT di kawasan luar bandar. Sehingga akhir Ogos 2013, terdapat 359 Pusat Internet 1Malaysia dan 99 Pusat Perpustakaan Jalur Lebar 1Malaysia di seluruh negara; dan
- *Get Malaysian Businesses Online* (GMBO) adalah projek Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), bertujuan mendapatkan 50,000 PKS di Malaysia untuk beroperasi dalam talian. Inisiatif ini merupakan kerjasama Google Inc. bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, .myDomain Registry, iTrain, SME Corp. dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Laman web getmybusinessonline.com.my menyediakan panduan komprehensif cara mewujudkan perniagaan dalam talian serta cara mempromosikan atau memasarkan produk dan perkhidmatan. Sehingga September 2013, sejumlah 4,350 usahawan telah diluluskan geran untuk memulakan perniagaan dalam talian.

Kesimpulan

Walaupun bilangan pengguna Internet dan perniagaan dalam talian di Malaysia semakin meningkat, urus niaga melalui e-dagang masih rendah berbanding negara Eropah dan Amerika Syarikat. Setiap individu harus mengambil peluang sepenuhnya ke atas manfaat ekonomi dan sosial yang disediakan oleh Internet. PKS dan usahawan juga perlu memanfaatkan peluang kemudahan Internet untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka. Seperti yang dihasratkan di bawah inisiatif Digital Malaysia, adalah penting untuk perniagaan terutamanya PKS dan usahawan serta pengguna di Malaysia, menggunakan ICT serta menerima teknologi digital secara menyeluruh selari dengan transformasi ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi.

Segmen jalur lebar terus berkembang 6.9% kepada 6.2 juta langganan dengan kadar penembusan mencapai 66.8% pada akhir Jun 2013 (akhir Jun 2012: 8.2%; 5.8 juta; 63.7%). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh tawaran gabungan perkhidmatan dengan pelan harga yang menarik dan peningkatan liputan rangkaian. Sementara itu, pada akhir Jun 2013, pelaksanaan perkhidmatan *hotspot* telah bertambah kepada 34,372 lokasi di seluruh negara (akhir Jun 2012: 26,698) dengan Semenanjung Malaysia merangkumi 92% daripada jumlah lokasi *hotspot*.

Pertumbuhan segmen ini dijangka kekal kukuh disokong oleh pelbagai langkah Kerajaan untuk meningkatkan kadar penembusan jalur lebar di seluruh negara. Langkah ini termasuk inisiatif Pakej Mampu Milik Jalur Lebar 1Malaysia yang menumpukan kepada masyarakat luar bandar yang mempunyai kadar penembusan jalur lebar yang rendah. Tambahan pula, pada akhir Ogos 2013, projek jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) telah menghubungkan 2.5 juta premis dengan perkhidmatan Unifi dan merekodkan 595,543 jumlah langganan meliputi 500,101 kediaman

dan 95,442 perniagaan (akhir Ogos 2012: 423,124; 357,451; 65,673). Projek HSBB juga telah menghubungkan 640 pejabat kerajaan, 81 universiti awam dan swasta, dan 27 pusat Internet di bandar dan pinggir bandar.

Pertumbuhan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan e-dagang yang pesat telah menimbulkan kebimbangan mengenai isu perlindungan data. Oleh yang demikian, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 telah diperkenalkan untuk memastikan data peribadi individu diurus dengan baik dan dilindungi. Sementara itu, dalam usaha untuk merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar, pelbagai projek di bawah Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) sedang dilaksanakan melalui Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) dan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M). Inisiatif ini telah membolehkan komuniti yang kekurangan fasiliti komunikasi untuk menikmati faedah ICT. Pada akhir Ogos 2013, sejumlah 4,374 KTW1M dan 359 PI1M (akhir Ogos 2012: 3,287; 251) telah dilaksanakan di luar bandar dan kawasan kurang langganan di seluruh negara. Tambahan pula, WiFi percuma telah disediakan di premis awam seperti perpustakaan, pusat informasi, kawasan R&R, terminal pengangkutan awam, hospital dan lokasi lain. Subsektor ini dijangka berkembang 9.4% pada 2013 (2012: 9.2%) disokong oleh penggunaan perkhidmatan selular dan jalur lebar yang lebih tinggi.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang 4% dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 5.9%) berikutan peningkatan aktiviti pengangkutan darat untuk menyokong keluaran bagi pasaran domestik. Pertumbuhan ini juga disokong oleh permintaan penumpang yang bertambah bagi pengangkutan udara. Pada 2013, subsektor ini dijangka meningkat 5.2% (2012: 4.9%), dipacu oleh aktiviti ekonomi domestik yang mampan serta sektor luar yang bertambah baik dalam tempoh separuh kedua.

Segmen pengangkutan darat berkembang 3.7% (Januari – Jun 2012: 6.5%) disebabkan oleh

peningkatan penumpang perkhidmatan rel serta usaha berterusan untuk memperbaiki kemudahan pengangkutan awam. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013, jumlah penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi perkhidmatan antara bandar kembali pulih dan mencatatkan 3.9% kepada 2.5 juta penumpang (Januari – Julai 2012: -10.3%; 2.4 juta). Kutipan hasil KTMB juga bertambah 5.8% kepada RM64.7 juta (Januari – Julai 2012: -4.4%; RM61.2 juta) disebabkan terutamanya oleh peningkatan penggunaan *Electric Train Service* (ETS) bagi laluan Kuala Lumpur – Ipoh. Selain itu, jumlah kargo yang dikendalikan oleh KTMB meningkat 10.7% kepada 3.9 juta tan (Januari – Julai 2012: 5.3%; 3.6 juta tan) dengan kutipan hasil bertambah 11.3% kepada RM81.3 juta (Januari – Julai 2012: 2.6%; RM73.1 juta) berikutan peningkatan penghantaran bahan berkaitan pembinaan. Jumlah penumpang perkhidmatan rel¹ di Lembah Klang melonjak 12.9% kepada 124.1 juta (Januari – Julai 2012: 1.7%; 109.9 juta). Pada masa yang sama, penumpang perkhidmatan bas² meningkat 3.9% kepada 83.1 juta (Januari – Julai 2012: 4.6%; 80 juta), terutamanya disebabkan oleh pengenalan perkhidmatan RapidKuantan dengan 44 bas. Jumlah kenderaan yang menggunakan lebuhraya bertol berkembang 3.6% kepada 946.9 juta (Januari – Julai 2012: 5.3%; 914.3 juta) disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi semasa musim perayaan dan cuti sekolah.

Segmen pengangkutan udara merekodkan pertumbuhan 3.8% (Januari – Jun 2012: 1.2%) dipacu oleh bilangan penumpang yang lebih tinggi, dengan persaingan meningkat, terutamanya dalam kalangan syarikat penerbangan kos rendah. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013, jumlah penumpang di lapangan terbang seluruh negara meningkat dengan ketara sebanyak 14.2% kepada 44.1 juta (Januari – Julai 2012: 3.2%; 38.6 juta) disebabkan oleh jumlah penumpang domestik dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Selain itu, jumlah penumpang syarikat penerbangan domestik³ berkembang 13.5% kepada 25.1 juta (Januari – Julai 2012: 18.6%; 22.1 juta). Tambahan pula, jumlah kargo yang dikendalikan

¹ Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, KL Monorel, Express Rail Link dan KTM Komuter.

² RapidKL, RapidPenang dan RapidKuantan.

³ Malaysia Airlines, AirAsia, Firefly, MASwings dan AirAsia X.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Pengenalan

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) mengawal selia pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan dan penggunaan sebarang data peribadi dalam transaksi komersial dan perkara yang berkaitan. Akta ini bertujuan untuk melindungi data peribadi orang awam daripada disalahgunakan melalui transaksi komersial. PDPA telah diluluskan oleh Parlimen pada April 2010 dan diwartakan pada Jun 2010.

Di bawah PDPA, adalah menjadi satu kesalahan bagi pengguna data mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga tanpa persetujuan pemilik data. Pelaksanaan akta ini memerlukan pengguna data untuk menilai semula dasar privasi data, proses dan pengurusan data peribadi sedia ada. Akta ini memberikan hak tertentu kepada pemilik data, antaranya keperluan memberi kebenaran sebelum data diproses dan dikemas kini.

PDPA tidak terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memberi hak dan fleksibiliti menggunakan data peribadi asas bagi tujuan pentadbiran undang-undang. Akta ini juga tidak terpakai bagi sebarang data peribadi yang diproses di luar Malaysia melainkan jika data peribadi tersebut diproses selanjutnya di Malaysia.

Prinsip Utama PDPA

Bil.	Prinsip	Maklumat
1.	Am	Pengguna data tidak dibenarkan memproses data peribadi individu tanpa kebenaran.
2.	Notis dan Pilihan	Pemilik data perlu diberitahu melalui notis bertulis sekiranya data peribadi mereka sedang diproses, sama ada data tersebut diberikan secara wajib atau sukarela.
3.	Pendedahan	Data peribadi tidak boleh didedahkan tanpa persetujuan pemilik data.
4.	Keselamatan	Apabila memproses data peribadi, langkah berjaga-jaga perlu diambil untuk melindungi data daripada hilang, disalahgunakan, diubah suai atau musnah.
5.	Penyimpanan	Data peribadi tidak boleh disimpan dalam sistem pemprosesan lebih lama daripada yang diperlukan.
6.	Integriti Data	Semua data peribadi mestilah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini selari dengan tujuan penyimpanan dan pemprosesan.
7.	Akses	Pemilik data perlu diberi akses kepada data peribadi mereka dan dibenarkan untuk mengemas kini data.

Kelebihan PDPA

- Memberi lebih penekanan kepada perlindungan data peribadi sensitif yang digunakan dalam transaksi komersial;
- Mengiktiraf privasi maklumat sebagai salah satu daripada hak asasi manusia;

- Melindungi data yang berharga dan berpotensi menjadi komoditi yang bernilai;
- Meningkatkan kepercayaan pelanggan dan pekerja dalam organisasi yang menggunakan data peribadi; dan
- Memudah cara aktiviti perdagangan di peringkat global dan serantau.

Cabaran PDPA

- Kurang kesedaran dan salah faham dalam kalangan orang awam tentang hak perlindungan data peribadi;
- Orang awam mahukan kawalan dan ketelusan yang tinggi dalam pengurusan data peribadi mereka;
- Memastikan rangka kerja perundangan yang relevan dan terkini selari dengan amalan terbaik antarabangsa;
- Mengoptimumkan sumber awam dari segi keupayaan manusia dan permintaan untuk memenuhi ekspektasi orang awam; dan
- Keperluan mengehadkan penggunaan data peribadi untuk melindungi pemilik data dan mengurangkan risiko penyalahgunaan.

Ekonomi Yang Mempunyai PDPA

Zon	Ekonomi
Kesatuan Eropah	Semua ahli kesatuan.
Asia Pasifik	Jepun, Republik Korea, New Zealand, Hong Kong, Macau, Australia, Malaysia, Taiwan, Thailand, Filipina dan Singapura (Indonesia dan China di peringkat memuktamadkan akta).
Amerika Utara	Amerika Syarikat dan Kanada.
Amerika Selatan	Chile, Argentina, Brazil dan Mexico.

Penalty

Penalty kerana melanggar PDPA adalah denda maksimum sehingga RM500,000 atau dipenjarakan sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya sekali.

Kesimpulan

Dengan PDPA yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi, orang awam akan lebih yakin bahawa maklumat peribadi mereka dilindungi dengan baik. Tambahan pula, perlindungan data peribadi yang berkesan dan pematuhan rangka kerja oleh perniagaan akan mengukuhkan reputasi dan tadbir urus korporat. Selain itu, dasar PDPA akan meningkatkan kerjasama serantau serta membina kepercayaan dan melindungi komunikasi dengan negara lain.

di lapangan terbang seluruh negara meningkat 1.6% kepada 518,210 tan metrik (Januari – Julai 2012: -1%; 510,179 tan metrik) selari dengan prestasi eksport semikonduktor yang bertambah baik. Jumlah kargo udara yang dikendalikan oleh MASKargo dan AirAsia kembali pulih dan mencatatkan 6.8% kepada 180,792 tan metrik dalam tempoh lima bulan pertama 2013 (Januari – Mei 2012: -9.9%; 169,327 tan metrik).

Segmen pengangkutan air berkembang 1.4% (Januari – Jun 2012: 4.8%) dengan perkhidmatan kargo merekodkan pertumbuhan positif, walaupun prestasi perdagangan luar yang perlakan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013, bilangan kapal berlabuh di pelabuhan utama⁴ meningkat 9.1% kepada 24,588 kapal (Januari – Julai 2012: -4.3%; 22,530). Sementara itu, jumlah kendalian kontena di pelabuhan utama berkembang dengan perlakan iaitu 0.5% kepada 11.9 juta *twenty-foot equivalent unit* (TEU) (Januari – Julai 2012: 4.5%; 11.9 juta TEU). Dua pelabuhan utama negara, Pelabuhan Klang telah mengendalikan 6 juta TEU merangkumi 49.8% (Januari – Julai 2012: 5.9 juta TEU; 49.6%) daripada jumlah kendalian kontena manakala Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mencatatkan kendalian 4.5 juta TEU mencakupi 37.6% (Januari – Julai 2012: 4.5 juta TEU; 37.9%).

Subsektor utiliti berkembang 4% dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 4.6%) disokong oleh penggunaan elektrik yang lebih tinggi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013, penggunaan elektrik meningkat 7.2% kepada 69,112 juta kilowatt jam (Januari – Julai 2012: 6.6%; 64,469 juta kilowatt jam) dengan segmen perindustrian, perniagaan dan perlombongan menyumbang 77.5% kepada jumlah penggunaan elektrik manakala segmen kediaman dan lampu awam sebanyak 22.5%. Penjanaan elektrik berkembang 5.6% (Januari – Julai 2012: 5.3%) dengan edaran maksimum sebanyak 11,399 juta kilowatt jam pada Mei 2013 (Januari – Julai 2012: 10,861 juta kilowatt jam; Mei 2012). Tambahan

pula, jualan gas meningkat 8% kepada RM1,299.9 juta (Januari – Julai 2012: 8.4%; RM1,203.2 juta). Sementara itu, bekalan air kepada pengguna mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% kepada 13,226 juta liter sehari dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 2.6%; 12,660 juta liter sehari). Pada akhir Jun 2013, liputan bekalan air untuk penduduk di bandar mencapai 96.9% dan di luar bandar sebanyak 90.8% (akhir 2012: 96.9%; 90.7%). Subsektor ini dijangka berkembang 5.1% pada 2013 (2012: 4.3%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi penggunaan elektrik dalam segmen perindustrian, perniagaan dan perlombongan.

Subsektor perkhidmatan lain berkembang 5.2% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 4.1%) dengan nilai ditambah aktiviti pendidikan swasta meningkat 6.1% (Januari – Jun 2012: 8.2%) dan kesihatan swasta 5.4% (Januari – Jun 2012: 6.2%). Pada 2013, kedua-dua segmen ini dijangka terus menyumbang kepada pertumbuhan subsektor disokong oleh promosi yang agresif bagi menarik lebih banyak warga asing untuk belajar atau mendapatkan rawatan di Malaysia. Sementara itu, jumlah pesakit asing dianggar mencapai 700,000 dengan hasil RM630 juta (2012: 671,727; RM584 juta). Subsektor ini dijangka berkembang 6.3% pada 2013 (2012: 3.9%) disokong oleh aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta yang lebih tinggi. *Subsektor perkhidmatan kerajaan* dianggar berkembang 5% pada 2013 (2012: 9.5%) selari dengan peningkatan produktiviti perkhidmatan awam.

Sektor Pembuatan

Kadar pengembangan yang lebih perlakan

Nilai ditambah **sektor pembuatan** berkembang pada kadar yang lebih perlakan sebanyak 1.9% dalam tempoh enam bulan pertama 2013

⁴ Pelabuhan Klang, Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Kuantan, Johor, Bintulu dan Kuching.

(Januari – Jun 2012: 5.1%). Keluaran bagi sektor ini berkembang 2.7% dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 4.6%) disokong oleh industri berorientasikan domestik yang berdaya tahan manakala industri berorientasikan eksport mengalami pertumbuhan yang sederhana.

Keluaran **industri berorientasikan domestik** terus menerajui pertumbuhan, menokok 5.5% (Januari – Ogos 2012: 7.9%) dipacu oleh pengeluaran bahan berkaitan pembinaan dan kelengkapan pengangkutan yang lebih tinggi, manakala **industri berorientasikan eksport** mencatat pertumbuhan yang lebih perlakan,

iaitu 1.7% (Januari – Ogos 2012: 3.5%). Walau bagaimanapun, sejajar dengan pelaburan swasta yang kukuh, sektor ini telah berjaya menarik pelaburan asing dan domestik secara berterusan, dengan pelaburan yang diluluskan bernilai RM28.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013. Upah purata pekerja terus meningkat 7.2% kepada RM2,625, manakala jumlah pekerja bertambah 1% (Januari – Ogos 2012: 6.5%; RM2,448; 0.6%), sebahagian besarnya dalam industri berorientasikan domestik. Sementara itu, kadar kapasiti penggunaan kekal tinggi pada paras 80.7% dalam tempoh suku kedua 2013 (S1 2013: 77.8%). Penunjuk terkini sektor pembuatan seperti PMI dan jualan cip dunia

JADUAL 3.3

**Indeks Pengeluaran Pembuatan
Januari – Ogos
(2005 = 100)**

	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
Industri berorientasikan eksport	113.6	115.6	3.5	1.7	75.1	74.5
Produk elektrik dan elektronik	95.5	97.3	1.0	1.9	25.4	25.2
Kimia dan produk kimia	138.2	145.6	8.8	5.4	19.8	20.3
Produk petroleum	124.1	119.8	5.6	-3.5	16.1	15.2
Kayu dan produk kayu	83.6	83.7	4.5	0.1	3.1	3.0
Pemprosesan di luar estet	107.9	112.6	-5.8	4.3	3.3	3.3
Produk getah	174.4	192.8	2.8	10.6	3.6	3.9
Produk kertas	135.4	123.9	-4.7	-8.5	2.4	2.2
Tekstil, pakaian dan kasut	86.6	86.9	-6.6	0.4	1.4	1.3
Industri berorientasikan domestik	152.3	160.7	7.9	5.5	24.9	25.5
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	157.1	140.0	6.6	-10.9	3.9	3.4
Produk logam yang direka	232.3	266.8	13.5	14.8	5.4	6.1
Logam asas	106.7	111.3	-7.2	4.3	2.2	2.2
Kelengkapan pengangkutan	139.0	159.0	12.3	14.4	5.0	5.5
Produk makanan	150.4	156.0	10.6	3.7	5.2	5.3
Minuman	152.2	146.8	-1.9	-3.6	1.6	1.5
Produk tembakau	111.8	98.1	21.0	-12.3	0.3	0.3
Lain-lain	114.3	122.7	3.3	7.4	1.2	1.3
Jumlah	121.3	124.5	4.6	2.7	100.0	100.0


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.2

Prestasi Sektor Pembuatan

(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

menggambarkan pemulihan yang berterusan dalam aktiviti pembuatan global, seterusnya memberikan kesan positif ke atas keluaran pembuatan Malaysia.

Pertumbuhan keluaran subsektor *E&E* kekal pada 1.9% dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 1%). Industri semikonduktor global menunjukkan tanda pemulihan dengan jualan cip global yang lebih tinggi dan nilai *book-to-bill ratio* melebihi 1 dalam tempoh separuh pertama 2013. Selaras dengan perkembangan ini, keluaran produk elektronik Malaysia, khususnya peranti semikonduktor berkembang kukuh sebanyak 9.6% serta injap elektronik, tiub dan papan litar bercetak sebanyak 25.7%. Sebaliknya, keluaran mesin pejabat dan perakaunan serta komputer dan peranti komputer, terus menguncup dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.4%. Penguncupan yang lebih perlahan ini sebahagiannya disokong oleh

JADUAL 3.4

Pertumbuhan Subsektor E&E Januari – Ogos (2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013
Jumlah E&E	1.0	1.9	25.4	25.2
Semikonduktor dan komponen elektronik lain	3.2	11.9	10.9	11.8
Perkakas komunikasi dan visual audio	3.1	-12.0	5.5	4.7
Mesin pejabat dan perakaunan serta komputer dan peranti komputer	-8.0	-1.4	3.2	3.1
Jentera dan perkakas elektrik	6.3	-1.2	3.1	3.0
Peralatan domestik	-15.1	-10.1	0.2	0.2
Jentera dan kelengkapan	-4.2	-1.4	2.5	2.4

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


keluaran ultrabooks dan tablet yang lebih tinggi yang telah mengimbangi pertumbuhan komputer peribadi (PC) yang lebih perlahan.

Keluaran *kimia dan produk kimia* berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.4% (Januari – Ogos 2012: 8.8%) sebahagiannya disebabkan oleh penguncupan pengeluaran bahan kimia asas (-1.6%). Subsektor ini terutamanya disokong oleh peningkatan permintaan ke atas produk plastik (16%), khususnya beg dan filem plastik yang semakin kukuh sebanyak 26.1%, berikutan penghantaran yang lebih tinggi ke Singapura, Thailand dan Australia. Sementara itu, keluaran *petroleum* merosot 3.5% (Januari – Ogos 2012: 5.6%) disebabkan oleh keluaran perlombongan yang lebih rendah pada awal tahun. Kesan keluaran yang rendah ini turut dirasai dalam aktiviti sektor pembuatan lain, khususnya gas perindustrian yang merosot 8.3%. Walau bagaimanapun, cat, varnis dan cat lain dan mastik melonjak 35.6% berikutan aktiviti pembinaan dalam negara yang kukuh.

CARTA 3.3

Bilangan Pekerja, Gaji dan Upah Sektor Pembuatan

(% perubahan tahunan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.4

Keluaran Sektor Pembuatan

(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Keluaran pemprosesan di luar estet kembali pulih, meningkat 4.3% berikutan kesan asas yang rendah pada 2012 (Januari – Ogos 2012: -5.8%), meskipun harga komoditi yang lebih perlahan. Peningkatan keluaran disokong oleh pertambahan keluaran CPO (5.7%) dan minyak isi rong kelapa sawit (7.3%). Sementara itu, pengeluaran *kayu dan produk kayu* meningkat secara marginal sebanyak 0.1% (Januari – Ogos 2012: 4.5%) disebabkan oleh keluaran perabot kayu dan rotan (-12.4%) yang lebih rendah. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan semula keluaran kepingan veneer dan papan lapis (0.8%) serta pengilangan dan pengetaman kavu (17.3%).

Keluaran produk getah terus berkembang 10.6% (Januari – Ogos 2012: 2.8%), terutamanya disokong oleh permintaan berterusan ke atas sarung tangan getah. Keluaran sarung tangan getah meningkat 7.9% berikutan harga purata jualan yang lebih rendah disebabkan oleh

penurunan harga bahan mentah. Tambahan pula, permintaan untuk sarung tangan getah turut didorong oleh wabak penyakit berjangkit seperti H7N9 dan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (*Middle East Respiratory Syndrome (MERS)*). Walau bagaimanapun, pengeluaran tayar dan tiub getah merosot sedikit (-2.9%), sejajar dengan peningkatan tempahan tayar daripada industri automotif dalam persekitaran permintaan luar yang lemah, terutamanya dari China.

Meskipun berhadapan dengan hasil eksport yang lebih rendah, permintaan domestik yang teguh menyokong aktiviti pembuatan berorientasikan domestik. *Bahan berkaitan pembinaan berkembang 4.1%* (Januari – Ogos 2012: 6.7%) disokong oleh aktiviti pembinaan yang lebih kukuh. Pengeluaran *logam yang direka* mencatat peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 14.8% dan *produk logam asas* sebanyak 4.3%. Pelaksanaan projek utama ETP yang berterusan, seperti pembangunan Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) dan

Meningkatkan Sumbangan Perusahaan Mikro Kepada Ekonomi

Pengenalan

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merangkumi 97.3%¹ daripada pertubuhan perniagaan berdaftar di Malaysia dengan sumbangan 32.7% kepada KDNK dan kira-kira 60% kepada pekerjaan. PKS telah dikenal pasti sebagai salah satu bidang pertumbuhan utama yang akan mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

PKS dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu mikro, kecil dan sederhana. Kategori PKS ini dibahagikan berdasarkan kepada dua kriteria iaitu jumlah jualan tahunan atau bilangan pekerja sepuh masa. Definisi semasa PKS merangkumi sektor pembuatan, pertanian utama dan perkhidmatan dengan had minima jualan tahunan RM250,000 atau bilangan pekerja sepuh masa kurang daripada 5 orang. Pada 1 Januari 2014, definisi baharu PKS dengan had minima yang ditingkatkan akan dikuatkuasakan.

JADUAL 1

Definisi Terperinci Semasa PKS Berdasarkan Tiga Kategori: Mikro, Kecil dan Sederhana

KATEGORI	MIKRO	KECIL	SEDERHANA
Pembuatan (termasuk pembuatan berdasarkan pertanian) & perkhidmatan berkaitan pembuatan	Nilai jualan tahunan kurang daripada RM250,000 ATAU bilangan pekerja kurang daripada 5 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM250,000 tetapi kurang daripada RM10 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 5 orang tetapi kurang daripada 50 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM10 juta tetapi tidak melebihi RM25 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 50 orang tetapi tidak melebihi 150 orang
Pertanian Utama	Nilai jualan tahunan kurang daripada RM200,000 ATAU bilangan pekerja kurang daripada 5 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM200,000 tetapi kurang daripada RM1 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 5 orang tetapi kurang daripada 20 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM1 juta tetapi tidak melebihi RM5 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 20 orang tetapi tidak melebihi 50 orang
Sektor Perkhidmatan (termasuk teknologi maklumat dan komunikasi)	Nilai jualan tahunan kurang daripada RM200,000 ATAU bilangan pekerja kurang daripada 5 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM200,000 tetapi kurang daripada RM1 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 5 orang tetapi kurang daripada 20 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM1 juta tetapi tidak melebihi RM5 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 20 orang tetapi tidak melebihi 50 orang

Sumber: SME Corp.

¹ Berdasarkan definisi baharu PKS, peratusan bahagian PKS kepada jumlah pertubuhan perniagaan berdaftar dijangka meningkat kepada 98.5% daripada 97.3%.

JADUAL 2

Definisi Terperinci PKS Berdasarkan Tiga Kategori: Mikro, Kecil dan Sederhana (berkuatkuasa 1 Januari 2014)

KATEGORI	MIKRO	KECIL	SEDERHANA
Pembuatan	Nilai jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja kurang daripada 5 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM300,000 tetapi kurang daripada RM15 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 5 orang tetapi kurang daripada 75 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM15 juta tetapi tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 75 orang tetapi tidak melebihi 200 orang
Perkhidmatan dan sektor lain	Nilai jualan tahunan kurang daripada RM300,000 ATAU bilangan pekerja kurang daripada 5 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM300,000 tetapi kurang daripada RM3 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 5 orang tetapi kurang daripada 30 orang	Nilai jualan tahunan sebanyak RM3 juta tetapi tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sebanyak 30 orang tetapi tidak melebihi 75 orang

Sumber: SME Corp.

Berdasarkan kepada definisi semasa PKS, majoriti PKS adalah dalam sektor perkhidmatan (90%) diikuti dengan sektor pembuatan (5.9%), pembinaan (3%), pertanian (1%) serta perlombongan dan kuari (0.1%).


JADUAL 3

Pecahan PKS mengikut Sektor

Sektor	PKS	Jumlah Pertubuhan Perniagaan	Peratusan PKS kepada Jumlah Pertubuhan Perniagaan (%)	Peratusan PKS kepada Jumlah PKS (%)
Perkhidmatan	580,985	591,883	98.2	90.0
Pembuatan	37,861	39,669	95.4	5.9
Pertanian	6,708	8,829	76.0	1.0
Pembinaan	19,283	22,140	87.1	3.0
Perlombongan & Kuari	299	418	71.5	0.1
Jumlah Pertubuhan	645,136	662,939	97.3	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 1
Peratusan PKS mengikut Saiz dan Sektor



Perusahaan Mikro


Perusahaan Mikro (ME) didefinisikan sebagai perniagaan yang menjana jualan tahunan kurang daripada RM250,000 atau menggaji kurang daripada 5 orang pekerja. Berdasarkan Banci Ekonomi 2011 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, ME mewakili 75% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia. Majoriti ME adalah dalam sektor perkhidmatan dengan 462,420 perniagaan (93.1%) diikuti oleh sektor pembuatan dengan 21,619 perniagaan (4.4%), pembinaan dengan 8,587 perniagaan (1.7%), pertanian dengan 3,775 perniagaan (0.8%) dan perlombongan dan kuari dengan 57 perniagaan (0.01%).

Sungguhpun bilangan perniagaan ME adalah besar iaitu sebanyak 496,458 pertubuhan perniagaan, ia kurang berdaya maju untuk melibatkan diri dalam aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi kerana tahap produktiviti yang rendah dan pertumbuhan yang kurang memberangsangkan. Sumbangan ME kepada KDNK hanya 8% dan jurang produktiviti adalah 4.1 kali lebih rendah daripada syarikat besar. Sementara itu, nisbah gaji bagi setiap pekerja ME pula adalah 2.9 kali lebih rendah jika dibandingkan dengan syarikat besar.

CARTA 2


Perusahaan Mikro: Sumbangan kepada KDNK dan Jumlah Pertubuhan Perniagaan; Produktiviti dan Upah Purata

Sumbangan KDNK = 8%




75% daripada pertubuhan perniagaan

Pengagihan pertubuhan perniagaan mengikut saiz, 2010




Jurang produktiviti antara ME dan syarikat besar



... upah pekerja secara perbandingan yang rendah

Purata upah tahunan pekerja dalam sektor perkhidmatan, 2010



Sumber: SME Corp. dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Breakout Strategy for Microenterprises sedang dihasilkan sejajar dengan Pelan Induk PKS sebagai satu pakej yang menyeluruh bagi mempercepat dan mempertingkatkan pertumbuhan ME serta sumbangannya kepada ekonomi. Di bawah Pelan Induk PKS, strategi yang berbeza akan diguna pakai bagi memenuhi keperluan semua PKS daripada yang menjalankan operasi asas sehingga firma yang lebih sofistikated. Salah satu program di bawah Pelan Induk PKS yang disasarkan kepada ME adalah *High Impact Programme 6* (HIP 6). Salah satu program di bawah HIP 6 iaitu *Inclusive Innovation* bertujuan untuk memperkasa kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Program ini akan mempromosi transformasi ME melalui *hand-holding* serta memberikan sokongan teknikal, kewangan dan pengurusan yang akan meningkatkan tahap produktiviti ME. Selain itu, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Kumpulan Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN Nasional) pada 1998 bagi meningkatkan akses usahawan ME kepada pembiayaan dan memajukan lagi perniagaan mereka. Sebanyak RM180 juta telah diperuntukkan kepada TEKUN Nasional dalam Bajet 2013 untuk aktiviti pembiayaan mikro sementara RM2.86 bilion telah disalurkan kepada 272,104 usahawan ME di seluruh negara sejak penubuhan agensi tersebut.

Isu dan Cabaran

Terdapat empat isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh ME:

- i. Infrastruktur dan pelaksanaan dasar yang tidak efisien:
 - ME kurang berpengetahuan mengenai bantuan yang disediakan oleh agensi yang relevan. Tambahan pula sesetengah agensi mempunyai peranan dan tanggungjawab yang bertindih. Perkara ini menjelaskan keberkesanannya dalam pemantauan dan pelaksanaan;
 - ME beranggapan bahawa penekanan ke atas prosedur dan kawalan menyebabkan proses pinjaman kewangan menjadi tidak efisien. Walaupun terdapat banyak produk pembiayaan mikro di pasaran, hanya 17% ME yang mendapat manfaat daripadanya; dan
 - ME menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan kerana tidak mempunyai rekod kredit yang mencukupi dan tidak dapat mengemukakan semua maklumat yang diperlukan untuk memohon pembiayaan.
- ii. Tidak berkebolehan dan berkeupayaan untuk bersaing secara efektif:

Kebanyakan ME di Malaysia mempunyai sumber yang terhad untuk membangunkan perniagaan. ME tidak menyedari cara untuk menambah baik operasi perniagaan kerana kurang pendedahan ke atas amalan perniagaan yang baik. ME yang mempunyai pendedahan pula, berhadapan dengan kekangan untuk mengakses kepada sumber tersebut.
- iii. Tidak mempunyai minda keusahawanan:

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menambah baik persekitaran perniagaan. Namun demikian, usaha perlu ditumpukan bagi mengubah minda daripada pemikiran bekerja untuk orang lain dan bekerja sendiri kepada minda keusahawanan. Rakyat secara umumnya lebih berminat untuk mendapatkan kestabilan pekerjaan dan gaji yang mencukupi daripada menjadi seorang usahawan tulen yang mempunyai semangat untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan.
- iv. Tidak mempunyai sokongan jangka masa panjang yang sistematis:

Analisa ke atas inisiatif semasa menunjukkan bahawa fokus diberikan kepada penghasilan lebih banyak ME dan bukannya ke atas permintaan untuk produk dan perkhidmatan ME. Fokus ini menyebabkan pengherotan pasaran dan lebihan bekalan produk dan perkhidmatan ME. Kerajaan menyedari mengenai pentingnya untuk memastikan permintaan memenuhi penawaran dan usaha perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan permintaan dengan lebih efektif.

Kesimpulan

Kerajaan akan terus berinteraksi dengan pihak berkepentingan yang relevan bagi menghasilkan pelan pelaksanaan yang terperinci bagi membangunkan ME. Sejajar dengan hasrat ini, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan sedang mengkaji *Breakout Strategy for Microenterprises* yang akan dimuktamadkan dalam jangka masa terdekat. Strategi yang akan dihasilkan dijangka akan membolehkan ME menembusi keseluruhan rantaian nilai bekalan ekonomi seterusnya menambah baik sumbangan ME kepada KDNK. Pembangunan ME dijangka meningkatkan sumbangan PKS secara menyeluruh kepada ekonomi sebanyak 41%, pekerjaan sebanyak 62% dan eksport sebanyak 25% menjelang 2020, seperti yang disasarkan dalam Pelan Induk PKS.

JADUAL 3.5

Pertumbuhan Bahan Berkaitan Pembinaan Januari – Ogos (2005 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013
Bahan berkaitan pembinaan	6.7	4.1	11.5	11.7
antaranya:				
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	25.2	27.5	2.4	2.9
Simen hidraulik	5.1	-0.6	1.0	1.0
Produk seramik refraktori	23.6	-38.4	1.2	0.7
Konkrit siap dibancuh	19.8	18.8	0.3	0.3

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

projek janakuasa arang batu Tanjung Bin telah mencergaskan peningkatan keluaran konkrit siap dibancuh sebanyak 18.8%.


Keluaran *kelengkapan pengangkutan* melonjak 14.4% (Januari – Ogos 2012: 12.3%), dengan peningkatan mendadak 7.7% bagi pengeluaran kenderaan bermotor, badan untuk kenderaan bermotor (10.8%) serta alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor dan enjin (36%). Jumlah jualan kenderaan dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 mencatat paras yang lebih tinggi sebanyak 433,023 unit atau peningkatan 5%. Perkembangan ini adalah berikutan pengenalan model baharu pada harga yang sangat kompetitif dan kempen jualan agresif yang menarik minat pembelian yang lebih tinggi. Pada 2013, jualan kenderaan dijangka terus meningkat dengan anggaran jumlah keluaran industri (TIV) mencecah 640,000 unit disokong oleh pendapatan isi rumah yang tinggi dan prospek pekerjaan yang stabil.

Pengeluaran *produk makanan* meningkat 3.7% (Januari – Ogos 2012: 10.6%) berikutan pertumbuhan perlahan produk tenusu (14.3%) dan keluaran produk bijian yang rendah (-8%). Subsektor ini disokong terutamanya oleh keluaran

CARTA 3.5

Prestasi Industri Terpilih

(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

produk minyak kelapa sawit bertapis yang menokok 15.1%. Sementara itu, pengeluaran produk tenusu meningkat pada kadar yang lebih perlahan berikutan kesan asas yang tinggi pada 2012.

Sektor Pertanian

Komoditi makanan utama menyokong pertumbuhan

Nilai ditambah bagi **sektor pertanian** mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: -1.3%) didorong oleh peningkatan ketara dalam keluaran CPO. Pertumbuhan ini juga disokong oleh pengeluaran komoditi makanan yang meningkat seperti sayur-sayuran, padi dan buah-buahan, berikutan langkah positif Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan.

Sektor ini dijangka terus berkembang, disokong oleh peningkatan hasil tuaian berikutan amalan pertanian yang baik, promosi tahap sara diri dalam pengeluaran makanan, keadaan cuaca yang menggalakkan dan permintaan domestik yang kukuh. Sektor ini dijangka berkembang 2.7% pada 2013 (2012: 1%).

Nilai ditambah bagi **subsektor kelapa sawit** kembali pulih 7.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: -8.6%). Keluaran CPO terus berkembang sebanyak 4.1% kepada 13.7 juta tan metrik dalam tempoh sembilan bulan pertama 2013 (Januari – September 2012: -5.1%; 13.2 juta tan metrik). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan hasil buah tandan segar (FFB) kepada 13.6 tan sehektar (Januari – September 2012: 13.1 tan sehektar); pertambahan dalam jumlah kawasan matang (2.6%), terutamanya di Sabah (2.4%) dan Sarawak (7.3%); dan amalan pertanian yang baik menyebabkan kadar perahan minyak meningkat kepada 20.2%. Pada 2013, pengeluaran CPO dijangka meningkat 3.3% kepada 19.4 juta tan metrik (2012: -0.7%; 18.8 juta tan metrik).

JADUAL 3.6

Nilai Ditambah Sektor Pertanian**2012 – 2013**

(pada harga malar 2005)

	Perubahan		Bahagian kepada Pertanian (%)	
	2012	2013 ¹	2012	2013 ¹
Pertanian	1.0	2.7	100.0	100.0
Kelapa sawit	-0.3	3.3	36.5	36.7
Getah	-6.3	-8.2	8.2	7.3
Ternakan	9.0	8.1	11.7	12.3
Pertanian lain ²	6.9	8.1	18.2	19.1
Perhutanan dan pembalakan	-6.5	-8.4	11.0	9.8
Perikanan	1.8	4.9	14.4	14.8

¹ Anggaran.² Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

Industri sawit Malaysia terus menunjukkan kemajuan yang ketara dalam rantaian nilai dengan tumpuan diberikan kepada aktiviti hiliran yang menjana sumber baharu pendapatan eksport dan menggalakkan perkembangan serta penggunaan produk minyak sawit yang mampan melalui pembangunan Kluster Industri Berasaskan Minyak Sawit (POIC). Objektif utama POIC adalah untuk menggalakkan aktiviti hiliran seperti bio bahan api, oleokimia, biobaja, produk makanan khusus, produk biojisim, nutraseutikal dan farmaseutikal. Sehingga akhir Jun 2013, enam lokasi sedang dibangunkan di bawah program POIC dengan kos pembangunan infrastruktur dibiayai oleh Kerajaan.

JADUAL 3.7

Pembangunan Kluster Industri Berasaskan Minyak Sawit

POIC	Tahun Pembangunan	Jumlah Keluasan (Ekar)	% Kerja Siap (sehingga Jun 2013)
POIC Lahad Datu, Sabah	2005	5,000	95
POIC Sandakan, Sabah	2006	2,810	98
POIC Tanjung Langsat, Johor	2007	178	82
POIC Tanjung Manis, Sarawak	2008	227	82
POIC Bintulu, Sarawak	2008	126	87
POIC Kuantan, Pahang	2010	610	98

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Harga purata CPO menurun kepada RM2,332 setan metrik dalam tempoh sembilan bulan pertama 2013 (Januari – September 2012: RM3,095 setan metrik). Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan inventori pada awal 2013, berikutan kelembapan permintaan luar dan peningkatan penawaran dunia minyak bijian utama seperti kacang soya, sesawi dan bunga matahari. Harga CPO dijangka diniagakan pada harga purata RM2,300 setan metrik pada 2013 dengan tidak mengambil kira bekalan yang terjejas disebabkan oleh faktor

JADUAL 3.8

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Sawit 2012 – 2013

	Perubahan (%)			
	2012	2013 ¹	2012	2013 ¹
Keluasan tanaman ('000 hektar)	5,077	5,177	1.5	1.9
Kawasan matang ('000 hektar)	4,353	4,442	1.5	2.0
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak sawit	18,785	19,414	-0.7	3.3
Minyak isirung sawit	2,164	2,200	0.9	1.7
Hasil (tan/hektar) ²	18.9	19.9	-5.0	5.3

¹ Anggaran.² Hasil buah tandan segar.


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

cuaca yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, terdapat potensi yang positif disebabkan oleh jangkaan peningkatan import CPO dari China, AS dan Kesatuan Eropah (EU) berikutan aktiviti ekonomi negara tersebut yang bertambah baik dalam tempoh separuh kedua 2013.


Nilai ditambah **subsektor getah** merosot 13.7% (Januari – Jun 2012: -5%). Pengeluaran getah asli menguncup 12.1% kepada 0.48 juta tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2013 (Januari – Julai 2012: -7.9%; 0.54 juta tan metrik) kerana pekebun kecil mengurangkan aktiviti penorehan, berikutan kejatuhan harga yang berpanjangan sejak separuh kedua 2013. Harga purata getah SMR20 menurun kepada RM7.93 sekilogram dalam tempoh sembilan bulan pertama 2013 (Januari – September 2012: RM9.83 sekilogram). Pengeluaran getah asli dijangka menguncup 8.1% kepada 0.84 juta tan metrik pada 2013 (2012: -7.4%; 0.92 juta tan metrik), berikutan harga yang rendah dan pertumbuhan stok yang lebih tinggi.

CARTA 3.6

Nilai Ditambah Komoditi Utama (pada harga malar 2005)

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.



JADUAL 3.9

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2012 – 2013

	Perubahan (%)			
	2012		2013 ¹	
	2012	2013 ¹	2012	2013 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,042	1,050	0.2	0.8
Kebun kecil	977	986	2.3	0.9
Estet	64	64	0.0	0.0
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,457	1,510	-1.3	3.6
Estet	1,550	1,570	-0.6	1.3
Jumlah Pengeluaran ('000 tan metrik)	923	848	-7.4	-8.1
Kebun kecil	864	794	-8.4	-8.1
Estet	59	54	10.9	-8.5
% daripada pengeluaran dunia	8.1	7.1		

¹ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Perusahaan Perludangan dan Komoditi, Malaysia.

Pengeluaran bagi komoditi makanan termasuk ternakan, pertanian lain dan perikanan kekal sebagai pemacu utama sektor pertanian. Nilai ditambah bagi **subsektor ternakan** meningkat 7.4% (Januari – Jun 2012: 8.9%), dipacu oleh peningkatan bagi keluaran ayam-itik (9.2%), kambing (45.7%) dan telur (4.6%), berikutan peningkatan permintaan daripada industri pemprosesan makanan domestik dan pasaran luar. Sementara itu, **subsektor perikanan** kembali pulih sebanyak 4% (Januari – Jun 2012: -2.1%), didorong oleh pertumbuhan keluaran akuakultur yang tinggi sebanyak 3.7% dan pendaratan ikan laut sebanyak 4.2%. Pada masa yang sama, **subsektor pertanian lain**, berkembang kukuh sebanyak 8.9% (Januari – Jun 2012: 7.7%), dipacu oleh keluaran yang tinggi bagi padi (3.2%), buah-buahan (9.4%) dan sayur-sayuran (13.4%) sejajar dengan peluasan kawasan tanaman.

JADUAL 3.10

Pengeluaran Pertanian Lain 2012 – 2013 ('000 tan metrik)

	Perubahan (%)			
	2012		2013 ¹	
	2012	2013 ¹	2012	2013 ¹
Koko	3.6	3.0	-20.8	-16.7
Padi	2,600	2,652	0.8	2.0
Ternakan				
Daging ²	287.6	288.5	1.8	0.3
Ayam-Itik	1,373	1,483	2.6	8.0
Telur (juta)	10,710	11,074	3.4	3.4
Susu (juta liter)	75	79	5.8	5.8
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ³	1,175	1,257	1.0	7.0
Lada	26	27	1.6	1.9
Sayur-sayuran	879	958	-6.3	9.0
Kelapa (juta unit)	607	637	7.8	4.9
Bunga (juta keratan)	419	421	0.5	0.5

¹ Anggaran.

² Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.

³ Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan dan nanas.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perludangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

Sektor Perlombongan

Pengeluaran gas asli yang lebih tinggi

Sektor perlombongan mencatat pertumbuhan yang marginal sebanyak 1% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 1.2%) disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. **Minyak mentah (termasuk kondensat)** mencatat penurunan marginal sebanyak 0.03% kepada 576,744 tong sehari (tsh) dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 2.1%; 576,944 tsh) disebabkan oleh pengeluaran yang rendah daripada medan minyak matang. Oleh kerana trend pengeluaran menurun, usaha telah dibuat untuk mengoptimumkan medan minyak sedia ada dan mempercepatkan projek pembangunan yang baharu. Usaha ini telah mula membawa hasil. Pada 2013, pengeluaran

dijangka meningkat 2.5% kepada 600,000 tsh (2012: 3.1%; 585,182 tsh) disebabkan oleh keluaran daripada medan baharu, terutamanya Gumusut-Kakap yang dijangka mula beroperasi pada suku keempat 2013.

Sementara itu, pengeluaran **gas asli** yang meningkat 6.1% kepada 6,258 juta kaki padu standard sehari (jkpss) (Januari – Ogos 2012: -0.2%; 5,896 jkpss) mengimbangi keluaran minyak mentah yang menurun. Pertumbuhan ini disumbang oleh keluaran yang lebih tinggi daripada Kompleks Gas Asli Cecair (LNG) PETRONAS, Sarawak dan tambahan keluaran daripada medan gas Telok di Semenanjung, Malaysia. Pada 2013, pengeluaran gas asli dijangka meningkat 3.8% kepada 6,250 jkpss (2012: 1.5%; 6,023 jkpss) disokong oleh permintaan dari industri tenaga, perkilangan, petrokimia dan pasaran luar yang lebih tinggi. Bagi 2013, nilai ditambah sektor perlombongan dijangka meningkat 2.2% (2012: 1.4%) berikutan keluaran minyak mentah

dan gas asli yang lebih tinggi dalam tempoh separuh kedua 2013.

Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) giat menjalankan aktiviti penerokaan untuk mengekalkan tahap pengeluaran. Sehingga akhir Jun 2013, empat medan minyak baharu telah ditemui termasuk Adong Kecil West di luar pesisir Sarawak dan Ara di luar pesisir Semenanjung Malaysia. Sementara itu, enam medan baharu dijangka memulakan pengeluaran, menjadikan jumlah medan pengeluaran Malaysia kepada 143 yang terdiri daripada 82 medan minyak dan 61 medan gas (2012: 77 medan minyak; 55 medan gas). Rizab minyak mentah berada pada 5.85 bilion tong pada 1 Januari 2013 dan dianggarkan bertahan selama 27 tahun, manakala rizab gas berada pada 98.3 trillion kaki padu standard, mencukupi untuk tempoh 43 tahun.

Dated Brent diniagakan pada purata USD108 setong dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: USD114 setong) disebabkan oleh prospek ekonomi global yang semakin tidak menentu. Walau bagaimanapun, sejak Julai 2013 hingga September 2013, harga purata Dated Brent melebihi USD110 setong, berikutan pemuliharan prospek pertumbuhan dalam kalangan ekonomi maju, dicerminkan oleh data pembuatan China yang lebih baik daripada jangkaan, menandakan permintaan kukuh untuk tenaga. Mengikut trend ini, harga Tapis juga meningkat kepada USD113 setong pada Julai 2013 berbanding USD108 setong pada April 2013. Bagi 2013, International Energy Agency melaporkan bahawa permintaan minyak global dijangka meningkat kepada 90.8 juta tsh. Dari sudut penawaran pula, meskipun akan terdapat peningkatan dalam pengeluaran, terutamanya dari AS disebabkan oleh pertambahan keluaran minyak syal, bekalan minyak global dijangka kekal terhad pada 91.3 juta tsh. Oleh itu harga Dated Brent dijangka kekal stabil pada USD105 setong (2012: USD112 setong), manakala harga Tapis pada USD115 setong pada 2013 (2012: USD119 setong). Pertumbuhan ini disokong oleh prospek ekonomi yang bertambah baik dalam kalangan ekonomi membangun yang berkembang pesat dalam tempoh separuh kedua 2013.

JADUAL 3.11

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2012 – 2013

	Perubahan (%)			
	2012	2013 ¹	2012	2013 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² ('000 tong sehari)	585	600	3.1	2.5
Rizab (bilion tong)	5.95	5.85	1.5	-1.6
Rizab/pengeluaran (tahun)	29	27		
Gas asli				
Pengeluaran ³ jkpss	6,023	6,250	1.5	3.8
Rizab (trilion kaki padu)	92.1	98.3	3.6	6.7
Rizab/pengeluaran (tahun)	37	43		

¹ Anggaran.² Termasuk kondensat.³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Petroliam Nasional Berhad.

Sektor Pembinaan

Pertumbuhan kekal kukuh

Nilai ditambah bagi **sektor pembinaan** meningkat 12% (Januari – Jun 2012: 18.5%) disumbang oleh aktiviti kejuruteraan awam dan kediaman yang berterusan. Jumlah nilai kerja pembinaan dalam tempoh separuh pertama 2013 meningkat 13.8% kepada RM43.3 bilion (Januari – Jun 2012: 24.6%; RM38.1 bilion) dengan sumbangan tertinggi oleh subsektor kejuruteraan awam sebanyak 36.1%, diikuti oleh subsektor bukan kediaman (31.9%) dan kediaman (27.5%). Prestasi keseluruhan sektor ini dijangka sederhana sebanyak 10.6% pada 2013 (2012: 18.1%), berikutan beberapa projek infrastruktur awam berimpak tinggi yang telah siap dibina.


Subsektor kejuruteraan awam berkembang 21.5% (Januari – Jun 2012: 27.5%) disokong oleh pelaksanaan berterusan projek infrastruktur dan pembangunan koridor. Projek ini termasuk Besraya Eastern Extension, landasan berkembar elektrik Seremban – Gemas – Johor dan pemanjangan transit aliran ringan (LRT) aliran Kelana Jaya dan Ampang serta Express Rail Link (ERL) dari KLIA ke KLIA2. Pertumbuhan subsektor ini juga didorong oleh projek Program Transformasi Ekonomi (ETP), terutamanya loji janakuasa arang batu Tanjung Bin dan Manjung, serta loji janakuasa Kimanis dan Lahad Datu. Walau bagaimanapun, bagi 2013, subsektor ini dijangka sederhana disebabkan oleh beberapa projek infrastruktur utama hampir siap dibina seperti projek Jambatan Pulau Pinang Kedua, loji janakuasa arang batu Manjung dan landasan berkembar elektrik Ipoh – Padang Besar. Namun demikian, projek utama termasuk SOGT serta Paip Gas Sabah – Sarawak (SSGP), fasa pertama projek MRT aliran Sungai Buloh – Kajang, pemanjangan aliran LRT serta Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) aliran Komuter Subang Jaya – Sungai Buloh (Fasa 1) dijangka menyokong pertumbuhan subsektor ini pada 2013.

Subsektor kediaman berkembang 15.7% (Januari – Jun 2012: 22%) disokong oleh permintaan yang kukuh dan dicerminkan melalui

peningkatan aktiviti pembinaan dengan unit rumah mula dibina menokok sebanyak 20.3% kepada 73,804 unit (Januari – Jun 2012: 13.8%; 61,351 unit). Dari segi jenis kediaman, rumah teres dua dan tiga tingkat merangkumi 24.9% (18,401 unit) serta kondominium dan pangapuri pula merangkumi 22.3% (16,422 unit) daripada jumlah unit mula dibina. Dalam tempoh enam bulan pertama 2013, Lembah Klang terus mendominasi penawaran, merangkumi 31% daripada unit mula dibina (Januari – Jun 2012: 39.1%) dan diikuti oleh Johor sebanyak 23.1% (Januari – Jun 2012: 15.3%), disokong oleh pembangunan infrastruktur yang berterusan. Untuk meningkatkan bekalan rumah mampu milik, Kerajaan telah memperkenalkan Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang dijangka menyediakan 80,000 rumah seperti yang diumumkan dalam Bajet 2013. Pada akhir Jun 2013, sebanyak 20,000 rumah di bawah 15 projek rumah mampu milik sedang dibina di


CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

CARTA 3.8

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Lembah Klang, Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Selaras dengan objektif Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada kumpulan berpendapatan rendah, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah membina 5,063 unit Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia pada akhir Jun 2013. Sementara itu, SPNB telah mensasarkan untuk membina 7,092 unit pangaspuri kos rendah dan sederhana serta rumah teres dalam tempoh tiga tahun akan datang. Sementara itu, sebanyak 45 projek yang melibatkan 20,454 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) akan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara.

Sementara itu, pelancaran unit kediaman baharu menurun 45.4% kepada 17,105 unit (Januari – Jun 2012: -6.9%; 31,305 unit). Jualan bagi unit kediaman baharu yang dilancarkan kekal menggalakkan dengan kadar jualan pada 21.8% (Januari – Jun 2012: 15.6%). Sejajar dengan trend peningkatan dalam permintaan, harta tanah

tidak terjual menurun 9.5% kepada 14,576 unit (akhir Jun 2012: -27.7%; 16,098 unit) berikutan prestasi jualan yang lebih baik dalam segmen kediaman.

Jumlah urus niaga harta kediaman menguncup 12.6% (Januari – Jun 2012: 1.5%) manakala nilai urus niaga meningkat secara marginal sebanyak 1% kepada RM32.9 bilion (Januari – Jun 2012: 8%; RM32.6 bilion) berikutan inisiatif Kerajaan untuk membendung aktiviti spekulasi. Tambahan pula, program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) menarik 1,200 pembeli warga asing, kebanyakannya dari Jepun, China, UK, dan Iran. Harta tanah bernilai sebanyak RM147 juta atau 0.5% daripada jumlah urus niaga harta tanah telah dibuat di bawah program ini dalam tempoh separuh pertama 2013. Menurut Malaysia Property Incorporated, hanya 3% daripada pelabur harta tanah di Malaysia adalah warga asing dan tertumpu dalam pasaran harta tanah bernilai tinggi. Walau

bagaimanapun, pembelian harta tanah warga asing di lokasi utama seperti Johor dan Pulau Pinang telah meningkat dan menimbulkan kebimbangan aktiviti spekulasi berlebihan serta peningkatan harga harta tanah. Bagi menangani isu ini, Kerajaan telah mengambil langkah seperti meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Hartanah (RPGT), menurunkan nisbah loan-to-value, meningkatkan penawaran rumah mampu milik dan mengetatkan peraturan pinjaman bank.

Harga rumah terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan pada 2013. Dalam tempoh suku kedua 2013, Indeks Harga Rumah Malaysia menyederhana kepada 7.8% (S2 2012: 11.2%) dengan lapan negeri menunjukkan peningkatan iaitu Johor sebanyak 20%, Kelantan (17.7%), Sarawak (15.6%), Melaka (15.1%), Kuala Lumpur (13.6%), Pulau Pinang (12.6%), Sabah (10.7%) dan Kedah (10.6%). Harga purata rumah di Malaysia berada pada RM257,605 (S2 2012: RM238,810) dengan Kuala Lumpur terus mencatat harga tertinggi iaitu RM605,711 diikuti oleh Sabah (RM389,203), Selangor (RM387,412), Sarawak (RM330,388) dan Pulau Pinang (RM298,697).

Bagi **subsektor bukan kediaman**, aktiviti pembinaan mula perlahan dan menurun 1% (Januari – Jun 2012: 12.8%) seperti yang dicerminkan dalam penawaran akan datang yang lebih rendah, terutamanya bagi segmen pejabat binaan khas (PBO) dan kompleks membeli-belah. Ruang PBO yang telah siap dibina semakin berkurangan sejak enam bulan yang lepas dan merosot kepada 16,198 meter persegi (mp) (Januari – Jun 2012: 120,234 mp). Aktiviti pembinaan bagi subsektor bukan kediaman menyederhana disebabkan oleh projek pembangunan perindustrian yang besar seperti Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak telah hampir siap dibina. Walau bagaimanapun, permintaan untuk bangunan komersial kekal stabil dengan kadar purata penghunian ruang pejabat pada 84.2% dan ruang niaga (79.7%), mencerminkan permintaan yang kukuh berterusan, terutamanya bagi ruang komersial yang terletak di lokasi utama.

Kadar sewa purata ruang pejabat di Kuala Lumpur City Centre/Segi Tiga Emas meningkat kepada RM5.42 setiap kaki persegi (kps) dalam tempoh suku kedua 2013, melepassi sewa pejabat purata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada RM4.54 kps. Sementara itu, sewa purata bangunan gred pelaburan di Kuala Lumpur menyaksikan peningkatan yang ketara sebanyak 14.4% kepada RM6.36 kps (S2 2012: RM5.56 kps).

Prestasi Permintaan Domestik

Aktiviti ekonomi domestik yang kukuh

Permintaan domestik dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada 2013 didorong oleh penggunaan dan pelaburan swasta. **Perbelanjaan sektor swasta** dijangka berkembang 9.5% (2012: 10.7%) sejajar dengan sentimen pengguna yang positif dan prospek perniagaan yang lebih baik. **Perbelanjaan sektor awam** juga dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan perbelanjaan pembangunan yang berterusan dan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK.

Pelaburan swasta dijangka terus mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 16.2% (2012: 21.9%) didorong oleh perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan domestik dan jangkaan peningkatan pelaburan dalam industri berorientasikan eksport selaras dengan permintaan global yang lebih baik dalam tempoh separuh kedua 2013. Pelaksanaan berterusan projek ETP juga akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti pelaburan. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi ini sejajar dengan prestasi kukuh penunjuk pelaburan utama seperti pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor pembinaan, pengeluaran besi dan keluli, dan jualan kenderaan komersial.

Tambahan pula, Malaysia terus menarik jumlah aliran masuk FDI yang besar, meskipun bersaing dengan negara membangun berkembang pesat yang lain. Dalam tempoh separuh pertama 2013, aliran masuk bersih FDI terus meningkat kepada RM18.2 bilion (Januari – Jun 2012: RM15.9 bilion) disokong oleh peningkatan dalam pendapatan

JADUAL 3.12

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Permintaan Agregat
2012 – 2014**
(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2012	2013 ¹	2014 ²	2012	2013 ¹	2014 ²	2012	2013 ¹	2014 ²
KDNK	5.6	4.5 – 5.0	5.0 – 5.5	100.0	100.0	100.0	5.6	4.5 – 5.0	5.0 – 5.5
Permintaan dalam negeri ³	10.6	8.7	5.9	90.6	94.0	94.9	9.2	7.8	5.6
Perbelanjaan swasta	10.7	9.5	7.8	66.1	69.1	71.0	6.8	6.3	5.4
Penggunaan	7.7	7.4	6.2	50.6	51.9	52.5	3.8	3.7	3.2
Pelaburan	21.9	16.2	12.7	15.5	17.3	18.5	3.0	2.5	2.2
Perbelanjaan awam	10.3	6.5	0.6	24.5	24.9	23.9	2.4	1.6	0.1
Penggunaan	5.1	7.3	3.3	13.2	13.5	13.3	0.7	1.0	0.5
Pelaburan	17.1	5.5	-2.7	11.3	11.4	10.5	1.7	0.6	-0.3
Sektor luar	-31.7	-30.9	-6.5	8.5	5.6	5.0	-4.2	-2.6	-0.4
Export ⁴	-0.1	1.2	1.6	95.0	91.9	89.0	-0.1	1.2	1.5
Import ⁴	4.7	4.4	2.2	86.5	86.3	84.0	4.1	3.8	1.9
KDNK (RM bilion, harga semasa)	941.2	987.7	1,056.7						
Perubahan (%)	6.4	4.9	7.0						

¹ Anggaran.² Unjurian.³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.⁴ Barang dan perkhidmatan bukan faktor.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

yang dikekalkan oleh MNC, aliran masuk modal ekuiti asing dan pinjaman antara syarikat. Sektor pembuatan mencakupi 43.8% daripada jumlah aliran masuk, diikuti oleh perlombongan dan kuari (30.4%) serta perkhidmatan (19.9%). Penyumbang utama aliran masuk bersih FDI adalah Jepun, Singapura, Belanda dan Hong Kong.

Selaras dengan peningkatan keyakinan pelabur dengan usaha Kerajaan di bawah ETP, jumlah pelaburan⁵ diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam tempoh enam bulan pertama 2013 meningkat kepada RM97.4 bilion (Januari – Jun 2012: RM75 bilion). Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dengan pelaburan disalurkan,

terutamanya dalam industri harta tanah, hotel dan pelancongan, pengangkutan, hab operasi global dan utiliti. Sejumlah 68.4% daripada pelaburan yang diluluskan adalah pelaburan domestik, sementara bakinya merupakan pelaburan asing.

Lima koridor pertumbuhan ekonomi yang dilancarkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) telah menarik pelaburan bernilai berbilion ringgit. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 2013, kesemua koridor ini menarik pelaburan komited berjumlah RM53.4 bilion. Lebih kurang 50% daripada pelaburan komited tersebut telah direalisasikan dalam tempoh tersebut. Pelaburan komited tersebut adalah menyeluruh dalam semua sektor ekonomi.

⁵ Sektor utama, pembuatan dan perkhidmatan

Inisiatif Kerajaan untuk menambah baik persekitaran perniagaan telah diiktiraf di peringkat global seperti yang digambarkan oleh kedudukan Malaysia dalam *World Bank's Doing Business Report*, yang meningkat daripada kedudukan ke-18 kepada kedudukan ke-12 pada 2013. Tambahan pula, Malaysia meningkat satu tangga ke kedudukan ke-24 dalam *Global Competitiveness Report 2013-2014* oleh World Economic Forum (WEF). Malaysia juga kekal sebagai negara kedua paling berdaya saing dalam kalangan negara Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan telah meningkat ke kedudukan ketujuh dalam kalangan 25 negara Asia Pasifik. Perkembangan ini akan terus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan.

Pelaburan awam dijangka berkembang 5.5% (2012: 17.1%) disokong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK dan perbelanjaan


pembangunan yang berterusan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada sektor ekonomi dan sosial, khususnya untuk menambah baik pengangkutan awam di bandar dan menyediakan kemudahan awam.

PETRONAS terus melabur dalam aktiviti cari gali O&G dan antara projek utama adalah projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang dan Sabah Ammonia Urea (SAMUR) di Sipitang. Perbelanjaan modal Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebahagian besarnya adalah untuk pengembangan kapasiti bagi penjanaan elektrik dan sistem transmisi, manakala pelaburan Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) tertumpu, terutamanya untuk meningkatkan pengangkutan awam di bandar seperti penyambungan LRT aliran Kelana Jaya dan Ampang.

CARTA 3.9

Komposisi Pelaburan Yang Diluluskan Mengikut Sektor Januari – Jun 2013

(% bahagian)



¹ Sektor utama termasuk pertanian, perlombongan serta komoditi dan perdagangan.

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

CARTA 3.10

Pelaburan Yang Diluluskan Mengikut Sektor




RM bilion

Tahun	Perkhidmatan	Pembuatan	Utama ¹	Total
2008	25	60	20	105
2009	35	60	20	115
2010	35	60	20	115
2011	45	60	25	130
2012	55	60	20	135
H1 2013	35	60	20	115

¹ Sektor utama termasuk pertanian, perlombongan serta komoditi dan perdagangan.




Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

CARTA 3.11

Penunjuk Pelaburan Swasta¹ Anggaran.² Dalam sektor pembuatan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

CARTA 3.12

Penunjuk Penggunaan Swasta¹ Anggaran.² Pada 30 September 2013.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Persatuan Pemasang dan Pembekal Motosikal dan Skuter Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

JADUAL 3.13

**Pelaburan Kumulatif di Lima Koridor Pembangunan Ekonomi
Januari – September 2013**

Koridor	Komitid	Realisasi	Projek Utama dalam Pembinaan
	RM bilion		
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	22.8	3.7	<ul style="list-style-type: none"> Peluasan Pelabuhan Kuantan Pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan Taman Perindustrian China-Malaysia, Kuantan (MCKIP) Pembangunan Kuala Terengganu City Centre (KTCC) Taman Biopolimer, Kertih Hab Industri Automotif, Pekan
Iskandar Malaysia ¹	12.6	10.0	<ul style="list-style-type: none"> Pinewood Iskandar Malaysia Studios Gleaneagles Medini Hospital Double Tree Hilton Sekolah Antarabangsa Pegasus
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	7.2	7.2	<ul style="list-style-type: none"> Pusat Inkubator Bioteknologi Pembangunan Kompleks Akuakultur, Selinsing Program Pengembangan Edu Citi Tel
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	8.6	3.0	<ul style="list-style-type: none"> Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) & Saluran Paip Gas Sabah Sarawak (SSGP) Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP - Fasa 1 SAMUR) Stesen Janakuasa Kimanis Pusat Teknologi dan Komersial Antarabangsa (ITCC) Aeropod Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) Presint Industri-Agro Sabah (SAIP) Kluster Industri Berasaskan Minyak Sawit (POIC) di Lahad Datu dan Sandakan
Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)	2.2	1.7	<ul style="list-style-type: none"> Kilang pembuatan ferro alloy Kilang pembuatan polycrystalline silicon
JUMLAH	53.4	25.6	

¹ Januari – Jun 2013.

Sumber: Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan koridor yang berkaitan.

Penggunaan swasta dijangka kekal kukuh pada paras 7.4% (2012: 7.7%), walaupun pada kadar yang lebih perlahan, disebabkan oleh jangkaan inflasi yang lebih tinggi dalam bulan yang seterusnya, berikutan pelarasan harga petrol dan diesel. Walau bagaimanapun, kesan harga minyak di pam yang lebih tinggi akan diimbangi oleh rebat tunai Kerajaan untuk kumpulan sasaran. Pertumbuhan penggunaan swasta disokong oleh prestasi kukuh pasaran saham dan keadaan pasaran buruh yang stabil, terutamanya dalam

sektor berorientasikan domestik. Trend positif ini dijangka berterusan dalam tempoh separuh kedua 2013, yang akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Selain itu, pelaksanaan gaji minimum, kenaikan tambahan gaji tahunan kakitangan awam dan bantuan tunai akan meningkatkan penggunaan swasta.

Trend yang menggalakkan dicerminkan oleh prestasi yang lebih baik dalam penunjuk penggunaan utama seperti pinjaman yang

Projek Minyak dan Gas Utama PETRONAS di Malaysia pada 2013

Pelaburan domestik dijangka semakin rancak pada 2013 dan 2014. Pelaburan domestik utama adalah dalam sektor minyak dan gas, termasuk penerokaan dan pembangunan medan minyak dan gas serta projek petrokimia. Pada 2013, PETRONAS telah memperuntukkan RM50 bilion untuk pelaburan modal. Pelaburan utama minyak dan gas PETRONAS adalah seperti berikut:

1. Projek Gas Asli Cecair (LNG) Terapung 1 dan 2 (FLNG1 & 2)

Projek ini melibatkan pembangunan kemudahan terminal terapung sebagai penyelesaian kepada pengeluaran dan pengkomersialan gas asli dari medan kecil, marginal dan matang di Malaysia. PETRONAS FLNG1 & 2 dijangka siap pada akhir 2015 dan 2016.

2. Pemulihan dan Penambahbaikan Loji Pemprosesan Gas (PRR)

Pemulihan dan penambahbaikan loji (PRR) melibatkan kemudahan Loji Pemprosesan Gas 2 (GPP 2), GPP3 dan Stesen Kompresor Kertih yang terletak di Kompleks GPP, Kertih serta unit Terminal Eksport di Kemaman, Terengganu. Penyiapan PRR menjelang 2015 dijangka mengekalkan kemampuan dan integriti loji PETRONAS untuk 20 tahun lagi seterusnya menjana penjimatan besar dalam pelaburan modal.

3. Terminal Regasifikasi LNG Pengerang

Kemudahan ini terdiri daripada Terminal Regasifikasi LNG yang baharu di darat dengan Kemudahan Penerimaan import LNG. Aktiviti pengambilan balik tanah telah hampir siap dan kerja-kerja kejuruteraan rekabentuk yang terperinci masih berterusan. Projek ini dijangka siap pada pertengahan 2016.

4. Terminal Regasifikasi LNG Lahad Datu

Projek ini melibatkan pembangunan Unit Simpanan Regasifikasi di darat bagi menghasilkan gas untuk loji jana kuasa. Projek ini dijangka siap pada pertengahan 2016.

5. Loji Janakuasa Kimanis

Projek ini melibatkan pembangunan sebuah loji janakuasa berkuasa gas dengan kapasiti 300 megawatt (MW) untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi tenaga elektrik di Sabah. Projek ini dijangka memberi manfaat kepada rakyat Sabah dengan membekalkan sumber tenaga yang bersih dan menyediakan peluang pembangunan. Loji ini dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada pertengahan 2014.

6. Loji Janakuasa Lahad Datu

Loji janakuasa Lahad Datu merupakan Turbin Gas Kitaran Gabungan (CCGT) yang terletak di projek Kluster Industri Berasaskan Minyak Sawit (POIC) di Lahad Datu, Sabah dengan kuasa gas kapasiti 300MW. Loji ini dijangka untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi bagi penduduk timur Sabah di samping memastikan persekitaran yang bersih.

7. Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID)

Projek RAPID terdiri daripada kilang penapis minyak mentah serta kompleks petrokimia nafta cracker dan polimer yang akan dibina di Pengerang, Johor. Projek ini dijangka siap pada akhir 2016 dan bertujuan untuk mengembangkan perniagaan petrokimia PETRONAS serta merangsangkan pertumbuhan industri hiliran minyak dan gas domestik. Loji penapisan minyak mentah ini mempunyai kapasiti 300,000 tong sehari. Keseluruhan kemudahan ini dijangka menghasilkan 9 juta tan metrik produk petroleum dan 4.5 juta tan metrik produk petrokimia setahun. Kompleks petrokimia dan polimer ini akan menghasilkan bahan kimia yang khusus untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di Asia.

8. Loji Janakuasa Pengerang

Projek ini melibatkan pembangunan loji janakuasa dengan kapasiti 1,270 MW untuk dibekalkan kepada projek RAPID serta untuk dieksport. Loji ini dijangka siap menjelang 2017.

9. Projek Loji Sabah Ammonia-Urea (SAMUR)

Loji SAMUR akan ditempatkan di Sipitang, Sabah, yang akan mengkomersialkan gas dari luar persisiran pantai Sabah untuk menghasilkan ammonia dan baja urea. Pembinaan projek ini telah dimulakan pada Mei 2012 dan dijangka mula beroperasi pada Ogos 2015.

Dana Strategik Pelaburan Domestik

Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) bernilai RM1 bilion telah dilancarkan pada 3 Julai 2012 untuk mempercepatkan peralihan syarikat milik rakyat Malaysia dalam industri yang disasarkan ke industri bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Dana ini bertujuan untuk memanfaatkan peluang penyumberan luar yang dicipta oleh syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia; menggiat pemerolehan teknologi oleh syarikat milik rakyat Malaysia; dan membolehkan syarikat berkenaan memiliki piawaian/pensijilan antarabangsa dalam industri strategik.

Sektor yang digalakkan di bawah DISF adalah aeroangkasa, peralatan perubatan; farmaseutikal; elektronik canggih; jentera dan peralatan; tenaga boleh diperbaharui; dan perkhidmatan termasuk penyelidikan dan pembangunan, ujian kualiti dan pensijilan standard, perkhidmatan kejuruteraan, latihan kemahiran dan teknikal, dan perkhidmatan logistik.

Sehingga 19 Julai 2013, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM220.5 juta untuk 36 projek dengan pelaburan bernilai RM2.1 bilion. Berikut adalah pecahan projek mengikut industri:

- Elektrik dan elektronik (10)
- Perkhidmatan (8)
- Pengangkutan (5)
- Sains hayat (4)
- Jentera dan kejuruteraan canggih (3)
- Penyelidikan dan pembangunan (3)
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (2)
- Berasaskan Kayu (1)

Nota: Angka dalam kurungan merujuk kepada jumlah projek.

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

dikeluarkan bagi penggunaan (11.4%), kutipan cukai perkhidmatan (5.8%) dan jualan kenderaan penumpang (5%) dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: -1.7%; 19.4%; 0.2%). Indeks Sentimen Pengguna (CSI) oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) kekal kukuh pada paras 109.7 mata melebihi paras 100 mata dalam tempoh suku kedua 2013 (S1 2013: 122.9 mata), mencerminkan sentimen isi rumah yang positif.

Penggunaan awam dijangka meningkat 7.3% (2012: 5.1%) berikutan perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan emolumen dijangka meningkat didorong oleh kenaikan tambahan gaji tahunan bagi kakitangan awam berjumlah RM1.5 bilion pada Julai 2013. Sementara itu, bekalan dan perkhidmatan juga dijangka meningkat,

mencerminkan usaha berterusan Kerajaan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

Kedudukan Sumber Negara

Lebihan jurang tabungan pelaburan semakin berkurangan

Sejajar dengan aktiviti ekonomi domestik yang terus kukuh dan sektor luar yang bertambah baik, pendapatan negara pada harga semasa dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.5% pada 2013 (2012: 4.9%). Tabungan sektor awam dijangka merosot kepada RM48.1 bilion atau 5% daripada PNK. Sementara itu, tabungan sektor swasta dijangka meningkat kepada RM252.4 bilion atau 26.4% daripada PNK, mencerminkan

JADUAL 3.14

Jurang Tabungan Pelaburan**2010 – 2014**


(pada harga semasa)

	RM juta				
	2010	2011	2012	2013 ¹	2014 ²
Sektor awam					
Tabungan	85,898	87,998	95,710	48,081	66,136
Pembentukan modal dalam negeri	81,238	84,395	101,553	108,198	106,730
Lebihan/Defisit	4,660	3,603	-5,843	-60,117	-40,594
Sektor swasta					
Tabungan	187,032	220,265	204,199	252,404	254,710
Pembentukan modal dalam negeri ³	104,510	121,443	141,008	165,710	190,234
Lebihan/Defisit	82,522	98,822	63,191	86,694	64,475
Keseluruhan					
Tabungan negara kasar	272,930	308,263	299,909	300,485	320,846
(% daripada PNK)	35.4	35.7	33.1	31.5	31.2
Pembentukan modal dalam negeri ³	185,748	205,838	242,561	273,908	296,964
(% daripada PNK)	24.1	23.9	26.8	28.7	28.9
Lebihan/Defisit	87,182	102,425	57,348	26,577	23,882
(% daripada PNK)	11.3	11.9	6.3	2.8	2.3

¹ Anggaran.² Unjurian.³ Termasuk perubahan dalam stok.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

CARTA 3.13

Jurang Tabungan Pelaburan¹ Anggaran.² Unjurian.³ Termasuk perubahan dalam stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

kedudukan kewangan sektor korporat dan isi rumah yang kukuh. Secara keseluruhan, Tabungan Negara Kasar (TNK) dijangka meningkat secara marginal sebanyak 0.2% (2012: -2.7%), dengan sektor swasta menyumbang 84% daripada jumlah simpanan (2012: 68.1%). Pada 2013, jurang tabungan pelaburan dijangka mencatat lebihan yang lebih rendah sebanyak RM26.6 bilion atau 2.8% daripada PNK (2012: RM57.3 bilion; 6.3%) setelah mengambil kira perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi (termasuk perubahan dalam stok) sebanyak RM273.9 bilion atau 28.7% daripada PNK.

Sektor Luar Negeri

Sektor luar Malaysia dijangka sederhana disebabkan oleh eksport yang lebih rendah dan harga komoditi yang lemah, terutamanya dalam tempoh separuh pertama 2013, manakala import kekal berdaya tahan disokong oleh aktiviti domestik yang kukuh. Oleh itu, jumlah perdagangan dijangka kekal kukuh melebihi paras RM1 trillion. Imbangian pembayaran (BOP) keseluruhan dijangka sederhana, sejajar dengan lebahan akaun semasa

yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, paras rizab antarabangsa kekal pada tahap yang selesa dan lebih daripada mencukupi untuk membayai obligasi hutang luar negeri jangka pendek dan menjadi penampang terhadap aliran modal jangka pendek yang tidak menentu.

Prestasi Perdagangan

Jumlah perdagangan kekal besar

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, jumlah perdagangan Malaysia meningkat 2.2% kepada RM888.3 bilion, berikutan import berkembang pada kadar yang lebih cepat, manakala eksport pula menyusut secara perlahan. Pada 2013, meskipun persekitaran luar yang mencabar, jumlah perdagangan negara dijangka berkembang sederhana sebanyak 1.9% tetapi kekal besar dengan mencatat RM1.33 trillion (2012: 3%; RM1.31 trillion). Eksport kasar dijangka menguncup 0.4% kepada RM699.3 bilion (2012: 0.6%; RM702.2 bilion) disebabkan oleh permintaan global bagi produk pembuatan dan harga komoditi yang

perlahan. Walau bagaimanapun, import dijangka berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 4.6% kepada RM635 bilion (2012: 5.9%; RM607.4 bilion). Dengan pertumbuhan import melebihi eksport, lebihan dagangan dijangka lebih rendah pada RM64.3 bilion atau 6.5% daripada KDNK (2012: RM94.8 bilion; 10.1%).

Prestasi Eksport

Eksport menguncup secara marginal

Sejajar dengan permintaan luar dan harga komoditi yang lebih rendah, **eksport kasar** menyusut 0.8% kepada RM461.4 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 1.5%; RM465.3 bilion). Kejatuhan eksport, terutamanya disebabkan oleh kemerosotan eksport produk E&E dan harga komoditi utama yang lebih rendah. Pada 2013, eksport kasar dijangka merosot secara marginal sebanyak 0.4% (2012: 0.6%). Eksport barang pembuatan, yang menyumbang 74.1% kepada pendapatan eksport, dijangka menurun 0.2% kepada RM518.2

JADUAL 3.15

Perdagangan Luar Negeri 2012 – 2014

	RM juta			Perubahan (%)		
	2012	2013 ¹	2014 ²	2012	2013 ¹	2014 ²
Jumlah perdagangan	1,309,552	1,334,374	1,375,822	3.0	1.9	3.1
Eksport kasar	702,188	699,340	716,574	0.6	-0.4	2.5
antaranya:						
Pembuatan	519,067	518,211	533,131	2.8	-0.2	2.9
Pertanian	77,421	66,754	70,019	-15.3	-13.8	4.9
Perlombongan	92,366	94,768	93,625	1.9	2.6	-1.2
Import kasar	607,364	635,034	659,248	5.9	4.6	3.8
antaranya:						
Barangan modal	96,613	98,113	99,942	20.5	1.6	1.9
Barangan pengantara	372,654	381,020	397,527	-3.4	2.2	4.3
Barangan penggunaan	45,776	46,357	47,730	11.6	1.3	3.0
Imbangan perdagangan	94,824	64,306	57,326	-23.7	-32.2	-10.9

¹ Anggaran.² Unjurian.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

JADUAL 3.16

Eksport Kasar Januari – Ogos

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
Pembuatan	343,229	349,162	3.1	1.7	73.8	75.7
Pertanian utama	46,678	38,235	-17.4	-18.1	10.0	8.3
Perlombongan	60,284	59,489	12.9	-1.3	13.0	12.9
Lain-lain	15,103	14,557	-2.9	-3.6	3.2	3.2
Eksport kasar	465,294	461,443	1.5	-0.8	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia.

bilion (2012: 73.9%; 2.8%; RM519.1 bilion) disebabkan oleh jumlah penghantaran produk E&E yang lebih rendah. Eksport pertanian dijangka merosot 13.8% kepada RM66.8 bilion (2012: -15.3%; RM77.4 bilion), berikutan penurunan harga minyak sawit dan getah. Sementara itu, eksport perlombongan dijangka meningkat 2.6% kepada RM94.8 bilion (2012: 1.9%; RM92.4 bilion) disokong oleh permintaan yang lebih tinggi meskipun harga yang rendah.

Eksport Barang Penghasilan

Produk bukan E&E terus menyokong pertumbuhan

Eksport **barang pembuatan** meningkat 1.7% kepada RM349.2 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 3.1%; RM343.2 bilion). Prestasi eksport terjejas berikutan permintaan lembap dari ekonomi maju, terutama permintaan bagi produk **E&E** yang terus merosot 1.5% (Januari – Ogos 2012: -2.8%). Hasil eksport bagi produk elektronik utama seperti mesin memproses data automatik merosot 5.8% sementara perkakas elektrik dan alat ganti menguncup 1.3%. Prestasi eksport yang lebih rendah adalah berikutan permintaan luar yang lebih perlahan dari AS, China dan Singapura. Prestasi yang lembap ini turut dipengaruhi oleh pertumbuhan yang perlahan di China yang telah menjelaskan perdagangan serantau. Paling

ketara, pertumbuhan negatif telah dicatat dalam produk elektrik seperti kelengkapan elektrik rumah (-10.1%), kelengkapan telekomunikasi (-7.4%) dan produk audio video elektrik (-1.1%). Walau bagaimanapun, kitaran pasaran elektronik global meningkat dengan sederhana sejak penghujung 2012 telah menyumbang kepada pemulihran pertumbuhan eksport semikonduktor sebanyak 2.5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: -6.8%) berikutan permintaan lebih kukuh dari China, Singapura, AS dan Jerman.

Eksport barang **bukan E&E** meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 4.3% kepada RM198.3 bilion (Januari – Ogos 2012: 8.5%; RM190.1 bilion) berikutan pertumbuhan eksport yang sederhana dalam semua subsektor. Eksport *kimia, produk kimia dan plastik* berkembang 2.3% (Januari – Ogos 2012: 1.8%) sebahagian besarnya disebabkan oleh hasil eksport yang lebih tinggi dari China, Indonesia dan Thailand bagi eksport utama seperti bahan kimia (25.7%) dan barang plastik (2.6%). Sementara itu, penghantaran *produk petroleum* terus mengukuh sebanyak 20% (Januari – Ogos 2012: 36.3%) disokong oleh eksport yang lebih tinggi bagi produk petroleum bertapis (22.8%), terutamanya ke Singapura, Indonesia dan China. Tambahan pula, eksport gas petroleum dan gas hidrokarbon lain yang meningkat 12.8% disumbang sebahagiannya oleh penghantaran yang lebih tinggi ke Singapura, Taiwan dan Bangladesh.

Eksport *besi, keluli dan logam* terus meningkat sebanyak 11.4% (Januari – Ogos 2012: 1.1%) disokong terutamanya oleh permintaan eksport yang lebih kukuh bagi logam bukan besi (52.9%) dan produk logam (6.5%) dari China dan Singapura. Sebaliknya, eksport produk besi dan keluli telah merosot mendadak sebanyak 24.6% serta *galian bukan logam* sebanyak 9.4% disebabkan oleh penghantaran yang berkurangan ke Singapura, Indonesia dan Republik Korea (ROK).

Penghantaran *jentera dan kelengkapan* pula meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 2.4% (Januari – Ogos 2012: 9.9%) terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport yang sederhana bagi jentera dan kelengkapan perusahaan am sebanyak 3.5% dan jentera khusus bagi perusahaan tertentu sebanyak 5.1%. Sebaliknya, eksport jentera dan kelengkapan penjanaan kuasa serta jentera kerja logam

telah mencatat pertumbuhan negatif berikutan hasil eksport yang lebih rendah dari Thailand, AS dan China.

Eksport *makanan, minuman dan tembakau* meningkat 3.9% (Januari – Ogos 2012: 1%) disokong oleh hasil eksport yang lebih kukuh produk makanan (3.5%) dan minuman (20.2%). Secara khususnya, eksport produk keluaran dan sediaan makanan berkembang sebanyak 11.1%, berikutan peningkatan penghantaran yang ketara ke rakan perdagangan utama seperti Indonesia, China dan Australia. Sementara itu, eksport produk minuman menokok 20.2%, sebahagiannya dipacu oleh hasil eksport yang lebih tinggi dari Singapura dan Thailand. Walau bagaimanapun, eksport produk tembakau menguncup 15.2% terutamanya disebabkan oleh penghantaran yang rendah ke Singapura, Hong Kong dan Viet Nam.

JADUAL 3.17

Eksport Barang Pembuatan Januari – Ogos


	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
E&E	153,175	150,883	-2.8	-1.5	44.6	43.3
Semikonduktor	67,373	69,081	-6.8	2.5	19.6	19.7
Kelengkapan dan peralatan elektronik	50,979	50,179	2.9	-1.6	14.9	14.6
Jentera dan produk elektrik	34,824	31,623	-8.2	-9.2	10.1	9.0
Bukan E&E	190,053	198,279	8.5	4.3	55.4	56.7
Kimia, produk kimia dan plastik	35,028	35,843	2.3	2.3	10.2	10.4
Produk petroleum	34,820	41,775	20.0	17.5	10.1	11.6
Produk besi, keluli dan logam	20,286	22,605	1.1	11.4	5.9	6.3
Jentera dan kelengkapan	17,205	17,612	2.4	2.4	5.0	5.2
Produk kayu	9,056	8,646	-4.5	-4.5	2.6	2.5
Tekstil, pakaian dan kasut	6,331	6,672	-14.1	5.4	1.8	1.9
Makanan, minuman dan tembakau	14,074	14,623	4.1	3.9	4.1	4.3
Produk getah	13,412	12,608	-6.0	-6.0	3.9	3.7
Kelengkapan pengangkutan	6,035	6,409	6.2	6.2	1.8	1.9
Produk galian bukan logam	3,886	3,520	-9.4	-9.4	1.1	1.0
Produk pembuatan lain	29,921	27,966	-6.5	-6.5	8.7	8.1
Jumlah	343,229	349,162	3.1	1.7	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.14


Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan Book-to-Bill Ratio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Semiconductor Industry Association, dan Semiconductor Equipment and Materials International.

CARTA 3.15

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Eksport produk getah menguncup 6% (Januari – Ogos 2012: 14.8%), berikutan pertumbuhan eksport bahan perlilangan getah ke pasaran utama yang terjejas seperti China, AS, Australia dan Indonesia. Permintaan bagi sarung tangan getah tetap kukuh, meskipun keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dalam tempoh separuh pertama 2013. Eksport sarung tangan getah menokok secara marginal sebanyak 0.9%, didorong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran negara maju dan ekonomi membangun yang berkembang pesat.

Penghantaran produk kayu merosot 4.5% (Januari – Ogos 2013: 0%), berikutan hasil eksport yang lebih rendah ke negara pengimpor utama seperti AS, UK, dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Secara khususnya, eksport perabot kayu merosot 13.6% dengan penurunan yang ketara bagi perabot bilik tidur ke AS, Australia dan UK.

Walau bagaimanapun, venir dan papan lapis yang menyumbang lebih separuh daripada jumlah eksport produk kayu berkembang sederhana sebanyak 2% disokong oleh eksport ke Jepun dan Taiwan yang lebih tinggi.

Eksport Komoditi Utama

Harga dan permintaan yang lebih rendah

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, pendapatan eksport **komoditi utama** menguncup 8.6% kepada RM97.7 bilion (Januari – Ogos 2012: -2.7%; RM107 bilion) terutamanya disebabkan oleh harga yang sederhana. Pendapatan eksport pertanian utama menguncup 18.1% kepada RM38.2 bilion (Januari – Ogos 2012: -17.4%; RM46.7 bilion), berikutan eksport minyak sawit dan getah yang lebih rendah. Sementara itu,

JADUAL 3.18

Eksport Komoditi Utama Januari – Ogos


	Perubahan (%)			
	2012	2013	2012	2013
Eksport komoditi (RM juta)	106,962	97,724	-2.7	-8.6
Eksport pertanian (RM juta)	46,678	38,235	-17.4	-18.1
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	11,084	11,645	-5.1	5.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	3,209	2,439	-6.1	-24.0
Nilai (RM juta)	35,568	28,396	-11.0	-20.2
Minyak isirung kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	604	756	-7.3	25.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	4,220	2,774	-26.7	-34.3
Nilai (RM juta)	2,549	2,098	-32.0	-17.7
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,356	1,306	-3.0	-3.7
Nilai seunit (RM/meter padu)	1,179	1,254	0.0	6.4
Nilai (RM juta)	1,599	1,638	-3.0	2.4
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,883	2,011	-14.7	6.8
Nilai seunit (RM/meter padu)	558	585	-7.4	4.8
Nilai (RM juta)	1,051	1,177	-21.0	12.0
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	504	531	-21.9	5.2
Nilai seunit (RM/kilogram)	10.88	8.61	-26.2	-20.9
Nilai (RM juta)	5,489	4,569	-42.4	-16.8
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	6.5	7.1	-24.1	8.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	23,605	22,123	30.4	-6.3
Nilai (RM juta)	153	156	-1.0	2.0
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	33	25	93.1	-23.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	8,160	7,951	-23.2	-2.6
Nilai (RM juta)	268	201	48.3	-25.1
Eksport perlombongan (RM juta)	60,284	59,489	12.9	-1.3
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	7,744	7,495	-10.6	-3.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,736	2,613	9.4	-4.5
Nilai (RM juta)	21,191	19,581	-2.2	-7.6
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	15,120	16,577	-7.2	9.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,465	2,315	34.4	-6.1
Nilai (RM juta)	37,263	38,381	24.7	3.0
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	28.1	22.4	26.3	-20.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	65,064	68,182	-21.2	4.8
Nilai (RM juta)	1,830	1,527	-0.5	-16.6

¹ Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia.

CARTA 3.16

Eksport Komoditi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia.

pendapatan eksport perlombongan menurun 1.3% kepada RM59.5 bilion (Januari – Ogos 2012: 12.9%; RM60.3 bilion), sebahagiannya disebabkan oleh harga minyak mentah yang rendah. Pada keseluruhannya, pendapatan eksport komoditi utama dijangka menyusut 4.7% kepada RM152.5 bilion pada 2013 (2012: -6.2%; RM160.1 bilion).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, pendapatan eksport **minyak sawit** menguncup 20.2% kepada RM28.4 bilion (Januari – Ogos 2012: -11%; RM35.6 bilion). Walau bagaimanapun, penghantaran minyak sawit meningkat 5.1% kepada 11.6 juta tan metrik (Januari – Ogos 2012: -5.1%; 11.1 juta tan metrik) disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi, terutamanya dari China, Pakistan dan Belanda. China kekal sebagai pengimpor terbesar minyak sawit yang menyumbang 19.6% daripada jumlah eksport minyak sawit. Volum eksport yang lebih tinggi, bagaimanapun, tidak dapat mengimbangi impak kejatuhan mendadak dalam harga CPO sebanyak 24% kepada RM2,439 setan metrik (Januari – Ogos 2012: -6.1%; RM3,209 setan metrik). Bagi 2013, pendapatan eksport minyak sawit dijangka merosot 15.9% kepada RM45.2 bilion (2012: -11.9%; RM53.7 bilion), berikutan harga eksport yang lebih rendah iaitu RM2,450 setan metrik (2012: RM3,002 setan metrik).

Walaupun pertumbuhan volum eksport adalah lebih tinggi, iaitu 5.2%, pendapatan eksport **getah** menguncup 16.8% kepada RM4.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: -42.4%; RM5.5 bilion), disebabkan oleh harga purata eksport yang lebih rendah pada RM8.61 sekilogram (Januari – Ogos 2012: RM10.88 sekilogram). Pada 2013, penghantaran getah dijangka meningkat 5.6% kepada 0.8 juta tan metrik, berikutan permintaan yang lebih baik daripada negara membangun yang berkembang pesat, khususnya China. Dengan harga purata getah yang lebih rendah sebanyak RM9.50 sekilogram (2012: RM10.19 sekilogram), pendapatan eksport getah dijangka menguncup 1.7% kepada RM7.7 bilion (2012: -41.7%; RM7.9 bilion).

Pendapatan eksport **LNG** meningkat 3% kepada RM38.4 bilion (Januari – Ogos 2012: 24.7%; RM37.3 bilion), berikutan harga eksport dan penghantaran yang lebih tinggi masing-masing pada RM2,315 setan metrik dan 16.6 juta tan metrik (Januari – Ogos 2012: RM2,465 setan metrik; 15.1 juta tan metrik). LNG yang menyumbang 8.3% kepada jumlah eksport, dihantar terutamanya ke Jepun, ROK, Taiwan dan China. Bagi 2013, eksport LNG dijangka berkembang 2.7% kepada RM57 bilion (2012: 11.1% RM55.5 bilion) didorong oleh permintaan luar negeri yang semakin baik.

Pendapatan eksport **petroleum mentah** yang menyumbang 4.2% kepada jumlah eksport, menurun 7.6% kepada RM19.6 bilion (Januari – Ogos 2012: -2.2%; RM21.2 bilion) disebabkan oleh harga yang lebih rendah walaupun volum eksport adalah kukuh. Permintaan minyak mentah dijangka lebih tinggi daripada negara membangun yang berkembang pesat, terutama China disebabkan oleh prospek ekonominya yang lebih baik dalam tempoh separuh kedua 2013. Oleh itu, pendapatan eksport dijangka meningkat 3.5% kepada RM33.1 bilion pada 2013 (2012: -1.5%; RM32 bilion).

Prestasi Import

Import dipacu oleh pelaburan

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, **import kasar** meningkat 5.8% kepada RM426.9 bilion (Januari – Ogos 2012: 7.4%; RM403.5 bilion) disokong oleh pertumbuhan kukuh barang modal dan penggunaan. Sementara itu, import **barang pengantara** meningkat secara marginal sebanyak 0.4% kepada RM253.5 bilion (Januari – Ogos 2012: -1.5%; RM252.6 bilion), berikutan aktiviti pembuatan domestik yang sederhana. Permintaan luar negeri yang lemah bagi barang eksport E&E telah menyebabkan penyusutan import alat ganti dan aksesori sebanyak 0.1%, terutamanya produk litar bersepadu elektronik. Selain itu, import bahan makanan dan minuman menguncup 20%, berikutan harga makanan global yang lebih rendah. Harga import yang

JADUAL 3.19

**Import Barang mengikut Penggunaan Akhir
Januari – Ogos**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013	2012	2013
Barangan modal	62,396	64,513	22.8	3.4	15.5	15.1
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	51,548	52,213	17.5	1.3	12.8	12.2
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	10,848	12,300	56.7	13.4	2.7	2.9
Barangan pengantara	252,564	253,463	-1.5	0.4	62.6	59.4
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	14,172	11,341	-1.9	-20.0	3.5	2.7
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	36,359	32,745	6.7	-9.9	9.0	7.7
Bekalan perindustrian, t.d.t.l. ¹ utama dan diproses	105,475	112,898	1.6	7.0	26.1	26.4
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	10,773	11,468	25.1	6.5	2.7	2.7
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	24,656	23,786	-26.7	-3.5	6.1	5.6
Injap dan tiub termionik	61,129	61,225	-1.0	0.2	15.1	14.3
Barangan penggunaan	29,793	30,943	13.9	3.9	7.4	7.2
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	12,538	13,205	10.6	5.3	3.1	3.1
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	637	852	27.2	33.7	0.2	0.2
Barangan pengguna lain	16,618	16,886	16.1	1.6	4.1	4.0
Barang tahan lama	3,810	4,167	17.3	9.4	0.9	1.0
Barang separa tahan lama	5,174	5,182	19.7	0.2	1.3	1.2
Barang tidak tahan lama	7,634	7,536	13.2	-1.3	1.9	1.8
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	16,965	21,515	15.2	26.8	4.2	5.0
Import untuk eksport semula	41,785	56,457	49.9	35.1	10.4	13.2
Import Kasar	403,503	426,891	7.4	5.8	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

lebih rendah juga menyebabkan import bahan api dan pelincir turut terjejas sebanyak 9.9%. Walau bagaimanapun, import bekalan perindustrian meningkat 7% didorong oleh permintaan yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan domestik seperti kimia, besi, keluli dan logam lain serta industri berkaitan pembinaan.

Import **barangan modal**, yang menyumbang 15.1% kepada jumlah import telah meningkat 3.4% kepada RM64.5 bilion dalam tempoh lapan

bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 15.5%; 22.8%; RM62.4 bilion). Import kelengkapan pengangkutan meningkat 13.4% berikutan peningkatan permintaan pesawat, kenderaan bermotor untuk pengangkutan barang serta kapal persiaran. Import **barangan penggunaan** berkembang 3.9% kepada RM30.9 bilion (Januari – Ogos 2012: 13.9%; RM29.8 bilion) didorong oleh peningkatan keyakinan pengguna. Pertumbuhan import ini disokong oleh peningkatan kukuh dalam import makanan dan minuman (5.3%)

serta import barang pengguna lain (1.6%) termasuk ubat-ubatan, barang kemas, kosmetik dan produk penjagaan kesihatan.

Pada 2013, import kasar dijangka berkembang 4.6% kepada RM635 bilion (2012: 5.9%; RM607.4 bilion) disokong oleh perkembangan kukuh dalam aktiviti domestik. Import barang pengantara dijangka pulih sebanyak 2.2% kepada RM381 bilion (2012: -3.4%; RM372.7 bilion) disokong oleh aktiviti pembuatan yang lebih kukuh dalam tempoh separuh kedua 2013. Sejak dengan aktiviti pelaburan yang cergas, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan O&G, import barang modal dijangka meningkat 1.6% kepada RM98.1 bilion (2012: 20.5%; RM96.6 bilion). Import barang penggunaan dijangka meningkat 1.3% kepada RM46.4 bilion (2012: 11.6%; RM45.8 bilion) didorong oleh pendapatan boleh guna dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi.

Haluan Perdagangan


Imbangan dagangan terus mencatat lebihan

Meskipun persekitaran luar yang mencabar serta pertumbuhan rakan dagangan serantau yang lebih perlahan dan harga komoditi yang sederhana, jumlah perdagangan Malaysia berkembang 2.2% kepada RM888.3 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 4.2%; RM868.8 bilion). Tambahan pula, aktiviti domestik yang kukuh terus memacu pertumbuhan import yang lebih tinggi. Mengambil kira pertumbuhan import melebihi eksport, lebihan dagangan negara mengecil kepada RM34.6 bilion (Januari – Ogos 2012: RM61.8 bilion). Sementara itu, perdagangan dengan rakan dagangan utama terus berkembang, dengan China menyumbang 14.5% kepada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti oleh Singapura (13.5%) dan Thailand (5.7%) (Januari – Ogos 2012: 13.7%; 13.4%; 5.6%).


CARTA 3.17

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Ogos 2013 (% bahagian)

Eksport



Import

¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Perdagangan dengan **China** yang merupakan rakan dagangan terbesar sejak 2009, berkembang 8.6% kepada RM128.9 bilion (Januari – Ogos 2012: 10.5%; RM118.7 bilion) disokong oleh pertumbuhan import yang kukuh. Import dari China berkembang 16.6% (Januari – Ogos 2012: 25%) didorong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi barang perkilangan logam, litar bersepada elektronik serta jentera, peralatan dan alat ganti. Berikutan pertumbuhan ekonomi yang perlahan di China, eksport ke negara tersebut meningkat secara marginal sebanyak 0.4% (Januari – Ogos 2012: -1.2%) disokong oleh pendapatan eksport yang lebih tinggi bagi barang perkilangan logam, mengimbangi penyusutan penghantaran bagi unit penstoran untuk mesin memproses data automatik. Mengambil kira prestasi import yang lebih tinggi, defisit dagangan dengan China meningkat kepada RM10.8 bilion (Januari – Ogos 2012: -RM1.1 bilion).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, perdagangan Malaysia dengan **Singapura** meningkat 3.4% kepada RM120.4 bilion dan mencatat lebihan dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM12.5 bilion (Januari – Ogos 2012: 9.1%; RM116.4 bilion; RM9.2 bilion). Eksport ke Singapura berkembang 5.8%, disokong oleh penghantaran yang lebih tinggi bagi produk litar bersepada elektronik dan keluaran petroleum ditapis, manakala import pula meningkat secara marginal 0.6% (Januari – Ogos 2012: 9.1%; 9.1%).

Perdagangan dengan **Jepun** menurun 9.3% kepada RM89.6 bilion (Januari – Ogos 2012: 4.5%; RM98.7 bilion) dengan eksport menguncup 6.9% dan import 12.4% (Januari – Ogos 2012: 9.5%; -1.6%). Eksport yang lebih perlahan ke Jepun disebabkan oleh penghantaran yang lebih rendah bagi barang pembuatan, terutamanya kelengkapan telekomunikasi, keluaran petroleum ditapis serta minyak sawit. Import utama dari Jepun adalah E&E, jentera, peralatan dan alat ganti serta kelengkapan pengangkutan. Berikutan penurunan import yang ketara, lebihan dagangan Malaysia dengan Jepun meningkat kepada RM15.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: RM14.2 bilion).

Perdagangan dengan **AS**, yang merupakan rakan dagang keempat terbesar Malaysia, menguncup 2.7% kepada RM71.7 bilion dan mencakupi 8.1% daripada jumlah perdagangan (Januari – Ogos 2012: -2.6%; RM73.7 bilion; 8.5%). Eksport menurun 4.9% (Januari – Ogos 2012: 5.8%) disebabkan oleh hasil yang lebih rendah bagi produk peralatan optik dan saintifik dan minyak sawit. Sementara itu, produk E&E, yang mencakupi 56.7% kepada jumlah eksport ke AS, meningkat 1%, sebahagian besarnya disumbangkan oleh alat perakam bunyi dan imej serta radio perakam untuk automotif. Import utama dari AS merupakan produk E&E, terutamanya peralatan litar bersepada elektronik, kelengkapan pengangkutan serta jentera, peralatan dan alat ganti. Secara keseluruhan, Malaysia mencatat lebihan dagangan dengan AS yang lebih rendah sebanyak RM5.1 bilion (Januari – Ogos 2012: RM7.1 bilion).

ASEAN (tidak termasuk Singapura) kekal sebagai rakan dagangan serantau penting di Malaysia. Perdagangan Malaysia dengan ASEAN berkembang 4.1% kepada RM125.2 bilion, mencakupi 14.1% kepada jumlah perdagangan dan mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM6.7 bilion (Januari – Ogos 2012: 6.4%; RM120.2 bilion; 13.8%; RM1.6 bilion). Eksport meningkat 8.2%, disokong oleh penghantaran yang lebih tinggi bagi produk keluaran petroleum ditapis, manakala import menurun secara marginal sebanyak 0.1%, disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi minyak sawit, terutamanya dari Indonesia. Dalam kalangan ASEAN, Thailand merupakan rakan dagangan utama, menyumbang 40.7%, diikuti oleh Indonesia (32%) dan Viet Nam (16.3%).

Perdagangan dengan **EU** meningkat 3.9% kepada RM87.4 bilion (Januari – Ogos 2012: -1.7%; RM84.1 bilion) didorong oleh import yang lebih tinggi. Import dari EU meningkat 7.6% (Januari – Ogos 2012: 12.5%), disokong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk produk perkilangan logam dan keluaran petroleum ditapis. Pemulihan ekonomi EU yang perlahan telah menyebabkan eksport ke rantau tersebut mencatat paras jumlah yang sama sebanyak RM41.5 bilion (Januari – Ogos 2012:

RM41.5 bilion), terutamanya disebabkan oleh hasil eksport minyak sawit yang lebih rendah (-30.4%), manakala eksport peranti semikonduktor meningkat sebanyak 11.9%. Oleh itu, perdagangan dengan EU mencatat defisit yang lebih tinggi sebanyak RM4.4 bilion (Januari – Ogos 2012: -RM1.2 bilion).

Imbangan Pembayaran

Lebihan akaun semasa yang lebih rendah

Imbangan pembayaran (BOP) keseluruhan terus mencatat lebihan sebanyak RM5.6 bilion dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: RM5.5 bilion). Bagaimanapun, lebihan akaun semasa mengecil kepada RM11.2 bilion atau 2.5% daripada PNK (Januari – Jun 2012: RM24.8 bilion; 5.7%) disebabkan oleh lebihan akaun barang yang lebih rendah serta defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan. Pada

2013, lebihan akaun semasa dijangka mengecil kepada RM26.6 bilion atau 2.8% daripada PNK (2012: RM57.3 bilion; 6.3%) memandangkan permintaan luar dijangka bertambah baik dalam tempoh separuh kedua 2013. Dalam akaun kewangan, walaupun mencatat aliran masuk bersih yang ketara sebanyak RM6.2 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2013, aliran masuk bersih akaun kewangan bagi keseluruhan tahun dijangka menjadi lebih kecil, mencerminkan kebalikan aliran modal portfolio berikut ketidaktentuan yang menyelubungi pengurangan QE3.

Lebihan **akaun barang dan perkhidmatan** mengecil kepada RM36.3 bilion dalam tempoh separuh pertama 2013 seiring dengan lebihan akaun barang yang lebih rendah sebanyak RM43.3 bilion, manakala bayaran bersih akaun perkhidmatan semakin kecil kepada RM7.1 bilion (Januari – Jun 2012: RM56.3 bilion; RM65.7 bilion; -RM9.5 bilion). Bagi keseluruhan 2013, lebihan

JADUAL 3.20

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran¹ 2013 – 2014 (RM juta)

	2013 ²			2014 ³		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbangan barang dan perkhidmatan	824,599	747,943	76,656	848,334	775,995	72,339
Barangan	700,320	610,903	89,417	717,506	633,538	83,968
Perkhidmatan	124,279	137,040	-12,761	130,828	142,457	-11,629
Pengangkutan	14,686	45,087	-30,401	15,765	47,110	-31,345
Perjalanan	67,528	37,467	30,061	71,352	38,896	32,457
Perkhidmatan lain	42,065	54,486	-12,421	43,711	56,451	-12,740
Pendapatan Primer	43,359	75,887	-32,527	46,219	75,814	-29,595
Pampasan pekerja	4,196	7,303	-3,107	4,299	6,592	-2,293
Pendapatan pelaburan	39,163	68,584	-29,421	41,920	69,221	-27,301
Pendapatan sekunder	5,944	23,496	-17,552	6,091	24,954	-18,863
Imbangan akaun semasa	873,902	847,326	26,577	900,644	876,762	23,882
% daripada PNK			2.8			2.3

¹ Mengambil kira penyelarasan BOP Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

² Anggaran.

³ Unjuran.

akaun barang dan perkhidmatan dijangka lebih rendah RM76.7 bilion (2012: RM111.6 bilion), berikutan penurunan eksport barang dan bayaran bersih akaun pengangkutan yang lebih tinggi. Meskipun ekonomi global yang perlahan, lebihan yang kukuh dalam akaun perjalanan dan defisit yang semakin kecil dalam akaun perkhidmatan lain dijangka dapat mengimbangi sebahagian defisit dalam akaun perkhidmatan.

Dalam tempoh separuh pertama 2013, aliran masuk bersih *akaun perjalanan* mencatat lebihan yang lebih besar RM14.2 bilion (Januari – Jun 2012: RM11.8 bilion), disokong oleh ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Pada 2013, aliran masuk bersih dalam akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM30.1 bilion (2012: +RM26.9 bilion) didorong oleh bilangan pelancong yang lebih tinggi, berikutan kempen TMM 2014 serta peningkatan kekerapan penerbangan dan jaringan hubungan oleh syarikat penerbangan tambang murah. Pada 2013, pendapatan perjalanan dijangka meningkat kepada RM67.5 bilion (2012: RM62.5 bilion) dan kekal sebagai penyumbang utama (54.3%) kepada pendapatan akaun perkhidmatan. Aliran keluar kasar dijangka meningkat kepada RM37.5 bilion (2012: RM35.7 bilion), sebahagian besarnya disokong oleh perbelanjaan pelancong Malaysia di luar negeri, terutamanya perbelanjaan perniagaan, percutian, pendidikan, rawatan perubatan serta menunaikan ibadah haji.

Akaun pengangkutan mencatat defisit sebanyak RM14.4 bilion dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: -RM14.1 bilion), berikutan bayaran yang lebih tinggi bagi penghantaran import, terutamanya barangan bekalan perindustrian serta alat ganti dan aksesori. Pada 2013, defisit akaun pengangkutan dianggar RM30.4 bilion (2012: -RM28 bilion), disebabkan oleh bayaran penghantaran yang lebih tinggi sebanyak RM45.1 bilion (2012: RM41.7 bilion), berikutan kebergantungan berterusan kepada syarikat perkapalan asing. Walau bagaimanapun, terimaan pengangkutan dijangka meningkat

kepada RM14.7 bilion (2012: RM13.7 bilion) didorong oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada caj pendaratan dan parkir pesawat serta bayaran pelabuhan berikutan pengendalian jumlah kontena yang terus meningkat. Defisit dalam *akaun perkhidmatan lain* dijangka lebih rendah iaitu RM12.4 bilion pada 2013 (2012: -RM12.9 bilion) disebabkan oleh bayaran bersih perkhidmatan pembinaan yang lebih rendah, berikutan penyiapan beberapa projek infrastruktur besar.

Dalam tempoh separuh pertama 2013, defisit *akaun pendapatan primer* bertambah baik kepada RM17.2 bilion (Januari – Jun 2012: -RM21.5 bilion) disebabkan oleh bayaran bersih *pendapatan pelaburan* yang lebih rendah sebanyak RM15.3 bilion (Januari – Jun 2012: -RM20 bilion), terutamanya bayaran kepada pelabur asing. Walau bagaimanapun, defisit dalam *pampasan pekerja* meningkat kepada RM1.9 bilion (Januari – Jun 2012: -RM1.4 bilion). Defisit akaun pendapatan primer dijangka mengecil kepada RM32.5 bilion pada 2013 (2012: -RM36 bilion), berikutan penghantaran pendapatan yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri sejajar dengan prospek perniagaan yang bertambah baik dalam tempoh separuh kedua 2013. Terimaan oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka meningkat kepada RM39.2 bilion (2012: RM38.2 bilion), berikutan bilangan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri terus meningkat dan persekitaran perniagaan global yang lebih baik dalam tempoh separuh kedua 2013. Bayaran kasar kepada pelabur asing dijangka kekal iaitu RM68.6 bilion (2012: RM71.2 bilion) dengan sebahagian besar daripada pendapatan yang diperoleh melalui pembayaran dividen. Oleh itu, defisit dalam pendapatan pelaburan dijangka bertambah baik kepada RM29.4 bilion, manakala defisit pampasan pekerja dijangka meningkat kepada RM3.1 bilion (2012: -RM33 bilion; -RM3 bilion) disebabkan oleh bayaran yang lebih tinggi kepada bukan pemastautin yang bekerja di Malaysia, manakala terimaan yang diperoleh oleh pemastautin yang bekerja di luar negeri kekal stabil.

Aliran keluar bersih dalam **akaun pendapatan sekunder** dijangka bertambah baik kepada RM17.6 bilion pada 2013 (2012: -RM18.2 bilion) didorong oleh kiriman wang pekerja asing yang bekerja di Malaysia lebih rendah, berikutan aktiviti ekonomi domestik yang lebih perlahan dalam tempoh separuh pertama 2013. Remitan wang oleh pekerja asing dan penghantaran balik wang oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri dijangka lebih rendah sebanyak RM23.5 bilion dan RM5.9 bilion (2012: RM25.1 bilion; RM6.8 bilion).


Dalam tempoh separuh pertama 2013, **akaun kewangan** mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM6.2 bilion (Januari – Jun 2012: -RM3.7 bilion), sebahagian besarnya mencerminkan aliran masuk yang lebih tinggi dalam sektor perbankan dan pelaburan langsung oleh syarikat asing. *Pelaburan langsung masuk* (atau perubahan dalam liabiliti pelaburan langsung) lebih rendah sebanyak RM16.8 bilion (Januari – Jun 2012: RM23.4 bilion) disebabkan oleh pemberian pinjaman yang lebih rendah antara syarikat, walaupun aliran masuk modal ekuiti asing dan pendapatan tertangguh yang lebih tinggi oleh MNC yang beroperasi di Malaysia untuk pelaburan semula. Pada 2013, pelaburan langsung masuk dijangka meningkat, disokong oleh keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia dan prospek ekonomi global yang lebih baik dalam tempoh separuh kedua 2013. Aliran masuk FDI dijangka besar, terutamanya dalam bentuk pelaburan ekuiti serta pendapatan tertangguh.

Dalam tempoh separuh pertama 2013, *pelaburan langsung keluar* (atau perubahan dalam aset pelaburan langsung) mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM26.9 bilion (Januari – Jun 2012: -RM28.2 bilion) disebabkan oleh pinjaman yang lebih kecil yang diberi oleh syarikat Malaysia kepada subsidiari di luar negeri, sungguhpun pemberian modal ekuiti kekal besar. Namun, pelaburan langsung keluar oleh syarikat Malaysia dijangka meningkat pada 2013, terutamanya untuk pengembangan dan kepelbagai aktiviti. Pelaburan ini akan terus memberi manfaat kepada syarikat Malaysia

dengan peningkatan daya saing serta jangkaan penghantaran balik keuntungan dan dividen yang lebih besar daripada pelaburan di luar negeri. Kebanyakan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri tertumpu di pasaran serantau dan maju, terutamanya sektor perkhidmatan, O&G dan pembuatan.

Seiring dengan volatiliti yang meningkat dalam pasaran kewangan global dalam tempoh separuh pertama 2013, *pelaburan portfolio* mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM7.6 bilion (Januari – Jun 2012: +RM20.2 bilion), berikutan pelaburan portfolio oleh pemastautin yang lebih tinggi di luar negeri. Pada 2013, aliran masuk pelaburan portfolio dijangka berkembang sederhana, tetapi akan mengalami volatiliti disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran kewangan. *Pelaburan lain* kembali pulih dengan mencatat aliran masuk bersih RM9.9 bilion (Januari – Jun 2012: -RM20 bilion) disokong oleh penyimpanan

CARTA 3.18
Rizab Antarabangsa



¹ Pada 30 September 2013.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

deposit yang lebih besar oleh institusi kewangan asing dalam sistem perbankan domestik. Pada 2013, akaun kewangan dijangka mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah.

Rizab antarabangsa negara berjumlah RM444.6 bilion atau USD136.5 bilion pada 30 September 2013. Peningkatan rizab disokong oleh lebihan dalam akaun semasa serta aliran masuk FDI dan dana portfolio yang berterusan. Paras rizab ini mencukupi bagi membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan 3.9 kali hutang luar jangka pendek.

Harga

Inflasi kekal terkawal

Inflasi keseluruhan yang diukur oleh peratus perubahan **Indeks Harga Pengguna (IHP)** meningkat sederhana sebanyak 1.7%

dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 1.8%). Dua penyumbang utama kepada kenaikan keseluruhan IHP ialah kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol; serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain yang menyumbang 1.3 mata peratusan kepada jumlah keseluruhan indeks.

Inflasi bagi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 3.4% dan menyumbang kenaikan 1 mata peratusan (Januari – Ogos 2012: 3%; 0.9 mata peratusan). Kenaikan ini terutamanya disebabkan oleh harga bagi kategori makanan di rumah yang lebih tinggi, iaitu 3.6%. Harga makanan yang mencatatkan peningkatan yang paling tinggi ialah daging (5.9%) serta ikan dan makanan laut (4.3%). Peningkatan harga ini sebahagiannya berpunca daripada gangguan penawaran bagi beberapa barang makanan serta permintaan yang lebih tinggi semasa musim perayaan dan cuti persekolahan.

JADUAL 3.21

Indeks Harga Pengguna (IHP) Januari – Ogos (2010 = 100)

	Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%)	
		2012	2013	2012	2013
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	3.0	3.4	51.4	56.7
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	0.1	2.8	0.1	3.3
Pakaian dan kasut	3.4	-0.5	-0.6	-0.9	4.5
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	1.6	1.6	19.8	19.5
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	2.1	1.6	4.5	5.1
Kesihatan	1.3	2.1	2.0	1.4	1.4
Pengangkutan	14.9	0.7	0.6	5.8	4.1
Komunikasi	5.7	-0.6	-0.7	-2.0	-2.2
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	1.8	-0.1	4.2	-0.4
Pendidikan	1.4	2.5	2.3	2.0	1.7
Restoran dan hotel	3.2	3.2	2.3	5.9	3.9
Pelbagai barang dan perkhidmatan	6.3	2.4	0.7	7.8	2.4
Jumlah	100.0	1.8	1.7	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sementara itu, harga bagi kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain terus mencatatkan pertumbuhan yang stabil sebanyak 1.6% dan menyumbang 0.3 mata peratusan peningkatan pada keseluruhan indeks harga (Januari – Ogos 2012: 1.6%; 0.4 mata peratusan). Peningkatan ini adalah disebabkan oleh harga yang lebih tinggi untuk bayaran perkhidmatan lain bagi rumah kediaman (3.3%), bayaran perkhidmatan untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah kediaman (2.2%) dan sewa sebenar yang dibayar oleh penyewa (2%). Tambahan pula, harga bagi kumpulan minuman alkohol dan tembakau juga meningkat 2.8% (Januari – Ogos 2012: 0.1%) dan menyumbang 0.1 mata peratusan kepada peningkatan IHP. Kenaikan ini adalah sejajar dengan harga rokok yang lebih tinggi di pasaran, berikutan peningkatan sebanyak 3% pada 3 Jun 2013.


Pertumbuhan IHP yang sederhana juga sebagiannya disebabkan oleh peningkatan harga yang lebih perlahan yang dicatatkan dalam kumpulan lain, terutamanya pengangkutan serta

pelbagai barang dan perkhidmatan. Kumpulan pengangkutan mencatatkan peningkatan pada kadar yang perlahan, iaitu 0.6%. Pelarasan harga beberapa kali bagi petrol RON97 dalam tempoh Januari hingga Ogos 2013, tidak memberi kesan yang ketara ke atas harga bagi kumpulan pengangkutan. Pada 10 Januari 2013, harga petrol RON97 telah diturunkan 5 sen seliter diikuti dengan kenaikan 20 sen pada 7 Mac 2013 dan seterusnya pengurangan 20 sen pada 22 Mei 2013. Kumpulan pelbagai barang dan perkhidmatan pula turut meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% disebabkan oleh kejatuhan harga emas di pasaran. Selain itu, kadar inflasi turut sebagiannya diimbangi oleh penurunan harga bagi kumpulan komunikasi (-0.7%); pakaian dan kasut (-0.6%) serta perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (-0.1%). Penurunan harga dalam ketiga-tiga kumpulan ini disebabkan oleh persaingan yang sengit di pasaran.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, IHP bagi kumpulan isi rumah berpendapatan


CARTA 3.19

IHP di Malaysia (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


Perubahan IHP Keseluruhan Mengikut Kawasan



CARTA 3.20

Trend IHP dan IHPR

(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

kurang daripada RM3,000 meningkat sederhana sebanyak 1.9% (Januari – Ogos 2012: 1.8%). Sejajar dengan itu, IHP bagi kumpulan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,500 juga mencatatkan peningkatan yang lebih besar sebanyak 2% (Januari – Ogos 2012: 1.9%) dan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,000 meningkat 2.1% (Januari – Ogos 2012: 1.9%). Sementara itu, IHP bagi kawasan luar bandar telah mencatatkan peningkatan yang lebih rendah sebanyak 1.5% (Januari – Ogos 2012: 1.7%), manakala IHP bagi kawasan bandar lebih tinggi, iaitu 1.8% (Januari – Ogos 2012: 1.9%).

Indeks Harga Pengeluar (IHPR), iaitu pengukur bagi perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar dalam negeri dan yang dibayar oleh pengimpor telah berada pada aliran yang menurun sejak separuh kedua 2012. IHPR bagi ekonomi domestik merosot dengan ketara sebanyak

3.6% dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 1.6%), sejajar dengan kejatuhan harga yang berterusan dalam komponen pengeluaran tempatan dan import. IHPR yang negatif ini terutamanya disebabkan oleh kejatuhan harga yang ketara sebanyak 21.9% bagi kumpulan minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran serta penurunan harga sebanyak 17.3% bagi bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan.

IHPR bagi pengeluaran tempatan yang mencakupi 66.4% daripada indeks, menyusut dengan ketara sebanyak 4.5% (Januari – Ogos 2012: 1.9%) dan menyumbang 3.2 mata peratusan kepada penurunan IHPR ini. Penurunan keseluruhan dalam komponen ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan harga dua angka bagi dua kumpulan, iaitu kumpulan minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran sebanyak 22.2% dan bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan,

JADUAL 3.22

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Januari – Ogos
(2005 = 100)

	Wajaran	Perubahan		Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR	
		(%)		2012	2013
		2012	2013		
Ekonomi domestik	100.0	1.6	-3.6	100.0	100.0
Makanan	5.4	1.4	2.5	5.1	-4.1
Minuman dan tembakau	0.9	0.9	1.2	0.4	-0.3
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	-6.7	-17.3	-35.6	37.5
Bahan api galian, pelincir, dll.	17.4	11.6	-3.6	156.4	23.8
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	-9.8	-21.9	-41.8	36.6
Bahan kimia	7.0	0.0	-0.3	0.0	0.6
Barang-barang keluaran kilang	10.9	-0.6	-0.3	-3.8	0.7
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	0.9	-0.5	19.3	4.7
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	0.9	0.0	2.7	0.0
Pelbagai urus niaga dan barang	0.5	3.1	-1.6	0.9	0.2
Pengeluaran tempatan	66.4	1.9	-4.5	81.8	90.4
Import	33.6	1.0	-1.1	18.2	9.6

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

18.9%. Berdasarkan peringkat pemprosesan, IHPR merosot 9.6% bagi bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya serta jatuh 4.9% bagi bahan perantaraan, bekalan dan komponen. Kedua-dua kumpulan ini menyumbang 4.7 mata peratusan kepada penurunan IHPR. Walau bagaimanapun, penurunan ini sebahagiannya diimbangi oleh kenaikan 0.5% di peringkat barang siap.

Sementara itu, IHPR bagi enam daripada sepuluh kumpulan import mencatatkan sedikit penurunan harga. Secara keseluruhan, komponen import merosot 1.1% (Januari – Ogos 2012: 1%) terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga bagi kumpulan bahan api galian, pelincir dan lain-lain sebanyak 5% serta kumpulan jentera dan kelengkapan pengangkutan, 0.8%. Penurunan dalam dua kumpulan ini telah menyumbang 1 mata peratusan kepada kemerosotan keseluruhan IHPR. IHPR bagi import turut mencatatkan penurunan dalam semua peringkat pemprosesan dengan

penyumbang terbesar merupakan peringkat bahan perantaraan, bekalan dan komponen yang menyumbang 0.7 mata peratusan daripada jumlah penurunan.

Pasaran Buruh

Keadaan pasaran buruh yang menggalakkan

Peluang pekerjaan mengukuh dalam tempoh separuh pertama 2013, manakala kadar pengangguran kekal stabil. Jumlah **guna tenaga** meningkat 2.5% kepada 13 juta orang dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012 : 3.6%; 12.7 juta). Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang tertinggi kepada jumlah guna tenaga dengan subsektor perdagangan borong dan runcit, pembalikan kenderaan bermotor dan motosikal mencatatkan sumbangan tertinggi sebanyak 16.80%, diikuti oleh sektor pembuatan (16.78%) dan pertanian (13%). Pada masa yang sama, **tenaga buruh** meningkat 2.6% kepada

JADUAL 3.23

Penunjuk Pasaran Buruh Januari – Jun

	(‘000)		Perubahan (%)	
	2012	2013	2012	2013
Tenaga buruh	13,090.0	13,430.2	3.6	2.6
Guna tenaga	12,695.3	13,016.7	3.6	2.5
Pengangguran	394.7	413.5	3.0	3.1


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

13.4 juta orang dalam tempoh yang sama (Januari – Jun 2012 : 3.6%; 13.1 juta). Walaupun peluang pekerjaan kukuh, **kadar pengangguran** meningkat 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 3.0%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan bilangan orang yang memasuki pasaran buruh. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran dijangka kekal 3.1% daripada jumlah tenaga buruh pada 2013. Oleh itu, ekonomi dijangka terus beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh.

Bilangan **penduduk umur bekerja** dijangka meningkat 1.6% kepada 20.4 juta orang pada 2013 (2012: 1.7%; 20 juta) merangkumi 68.5% daripada jumlah populasi penduduk. **Nisbah tanggungan**⁶ dijangka menurun kepada 46 pada 2013 (2012: 46.4) menunjukkan beban yang lebih kecil ditanggung oleh penduduk umur bekerja dalam menyokong populasi penduduk tua dan muda. Pasaran buruh juga terus bertambah baik dicerminkan oleh peningkatan **kadar penyertaan tenaga buruh** kepada 66.2% (Januari – Jun 2012: 65.5%). Kadar penyertaan lelaki kekal kukuh pada 80.6%, manakala kadar penyertaan wanita terus meningkat kepada 50.7% (Januari – Jun 2012: 80.6%; 49.3%). Kadar penyertaan wanita semakin baik, namun kekal sebagai salah satu yang terendah berbanding negara serantau seperti Thailand, Singapura dan Indonesia. Menyedari kepentingan wanita dalam pembangunan negara, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dan program untuk memperkasakan dan meningkatkan kadar penyertaan mereka.

CARTA 3.21

Penunjuk Pasaran Kerja



¹Januari – Ogos.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Bilangan kekosongan masih mengatasi pencari kerja, walaupun nisbah telah menurun yang menunjukkan pasaran buruh semakin ketat. Bilangan **pencari kerja aktif** meningkat 20.3% kepada 407,626 orang dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: -1%; 338,675). Daripada jumlah pencari kerja, 62.3% adalah dalam kumpulan umur 20 – 24, manakala 17% adalah dalam kumpulan umur 25 – 29. Majoriti pencari kerja berdaftar merupakan pemegang ijazah (32%), diikuti oleh lepasan SPM (29%) dan pemegang diploma (23.1%).

Tambahan lagi, jumlah **kekosongan** yang dilaporkan oleh JobsMalaysia adalah sebanyak 905,882 jawatan dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 1,032,071) dipacu oleh aktiviti ekonomi domestik yang cergas. Sektor pembuatan mencatat bilangan tertinggi peluang pekerjaan (32.9%), diikuti

⁶ Nisbah tanggungan ialah nisbah penduduk umur tidak bekerja kepada penduduk umur bekerja

JADUAL 3.24

**Guna Tenaga mengikut Industri
Januari – Jun**

	('000)		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,597.9	1,694.0	12.6	13.0
Perlombongan dan pengkuarian	83.2	81.6	0.7	0.6
Pembuatan	2,212.1	2,183.6	17.4	16.8
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	61.5	51.4	0.5	0.4
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	75.7	82.6	0.6	0.6
Pembinaan	1,159.8	1,227.2	9.1	9.4
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,115.3	2,187.2	16.7	16.8
Pengangkutan dan penyimpanan	612.7	595.4	4.8	4.6
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	949.7	1,012.3	7.5	7.8
Maklumat dan komunikasi	204.6	176.4	1.6	1.4
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	326.0	311.0	2.6	2.4
Aktiviti hartanah	65.2	67.3	0.5	0.5
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	319.7	311.6	2.5	2.4
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	525.9	531.1	4.1	4.1
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	682.7	778.9	5.4	6.0
Pendidikan	784.5	810.4	6.2	6.2
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	422.5	463.3	3.3	3.6
Kesenian, hiburan dan rekreasi	94.3	84.9	0.7	0.7
Aktiviti perkhidmatan lain	197.0	187.9	1.6	1.4
Aktiviti isi rumah sebagai majikan	202.2	175.4	1.6	1.3
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	2.9	3.1	0.0	0.0
Jumlah	12,695.3	13,016.7	100.0	100.0

Nota: Industri dikelaskan mengikut ‘Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008’.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

oleh sektor pertanian (22.7%) dan pembinaan (21.2%). Bagi kumpulan pekerjaan, sebanyak 47,461 kekosongan dicatatkan bagi pekerja yang berkemahiran tinggi dalam tempoh yang sama (Januari – Ogos 2012: 82,161). Sebaliknya, kekosongan bagi pekerjaan asas⁷ meningkat kepada 656,676 (Januari – Ogos 2012: 648,406). Sementara itu, bilangan **pekerja yang diberhentikan** meningkat 29.6% kepada 8,261 (Januari – Ogos 2012: -5.6%; 6,374), terutamanya

dari pada pekerjaan asas; juruteknik dan profesional bersekutu; dan operator loji dan mesin serta pemasang. Sektor pembuatan mencatatkan bilangan terbesar pemberhentian pekerja, iaitu 73% daripada jumlah pemberhentian pekerja, diikuti oleh sektor pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib (5.6%) dan pembinaan (3.1%). Secara keseluruhannya, pemberhentian pekerja sebahagiannya disebabkan oleh firma yang merasionalisasikan operasi

⁷ Pekerjaan asas menjalankan tugas yang mudah dan rutin yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan dan dalam beberapa kes memerlukan daya fizikal yang banyak. Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran yang pertama seperti pencuci, pembantu dan buruh.

mereka untuk meningkatkan produktiviti dan keuntungan.

Pertumbuhan produktiviti dijangka meningkat kepada 3.5% pada 2013 (2012: 2%). Sektor pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan produktiviti tertinggi pada 13.6%, disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur dan pelbagai inisiatif di bawah GTP dan ETP. Guna tenaga dalam sektor pembinaan meningkat sebanyak 5.8% kepada 1.23 juta pekerja dalam tempoh separuh pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 0.2%; 1.16 juta) didorong oleh projek awam. Sebaliknya, sektor pembuatan dijangka mencapai pertumbuhan produktiviti sebanyak 3% dan sektor perkhidmatan mencapai 2.9%. Peralihan ke arah operasi berintensifkan modal dan berteknologi tinggi dijangka menjadi pemacu utama pertumbuhan bagi sektor pembuatan pada 2013. Pertumbuhan produktiviti dalam sektor perkhidmatan dijangka akan disokong terutamanya oleh subsektor kewangan dan insurans, harta tanah serta maklumat dan komunikasi.

Penggerak utama ke arah pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi adalah nilai produktiviti buruh. Hubungan antara upah dan produktiviti sering mempunyai korelasi positif antara sektor, jantina dan jenis pekerjaan yang berlainan. Menurut Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah 2012 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata **upah** bulanan meningkat 6% kepada RM1,881 pada 2012 (2011: 0.2%; RM1,775). Gaji dan upah dalam sektor perlombongan dan kuari meningkat paling tinggi dengan purata bulanan sebanyak RM3,358 yang menggambarkan prestasi keseluruhan industri yang positif, diikuti oleh sektor maklumat dan komunikasi (RM3,246) dan pendidikan (RM3,135). Sebaliknya, sektor pertanian mencatatkan purata upah bulanan terendah iaitu kurang daripada RM1,000.

Pada akhir 2012, bilangan **pekerja asing**⁸ yang berdaftar telah menurun kepada 1.6 juta setelah hampir mencatat bilangan tertinggi sebanyak 2.1 juta pada 2008. Walau bagaimanapun, bilangan

pekerja asing meningkat kepada 2.1 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 1.6 juta). Pengambilan pekerja asing tertumpu dalam sektor perkilangan (733,200), pembinaan (425,532), dan perladangan (347,149) merangkumi 71% daripada jumlah pekerja asing di Malaysia. Dua pertiga daripada pekerja asing di Malaysia adalah pekerja kurang mahir. Pada masa yang sama, tahap pendidikan pekerja Malaysia telah meningkat pantas seiring dengan pembangunan ekonomi dan akan meningkat dengan lebih ketara berbanding pekerja asing. Peningkatan tahap pendidikan ini dibuktikan dengan bilangan graduan bekerja yang kekal tinggi pada 1.26 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2013 (Januari – Jun 2012: 1.28 juta). Jurang tahap pendidikan yang semakin besar di antara pekerja asing dan pekerja tempatan menunjukkan bahawa pekerja asing memenuhi permintaan pekerja kurang mahir. Dalam hal ini, pekerja asing menjadi pelengkap kepada pekerja tempatan berkemahiran tinggi dalam sektor berintensifkan buruh atau aktiviti berkaitan pembuatan yang memerlukan sebilangan operator mesin. Meskipun Malaysia bergantung kepada pekerja asing untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan sentiasa berwaspada bahawa kebergantungan terhadap pekerja asing boleh memberi kesan terhadap usaha menggalakkan syarikat tempatan melaksanakan automasi dalam memacu ekonomi ke tahap produktiviti yang lebih tinggi. Dalam menangani isu ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif dengan menyediakan insentif fiskal dan kewangan untuk menggalakkan pertanian bersepadan dan penggunaan jentera di ladang, penggunaan ICT yang lebih baik untuk transaksi perniagaan serta penggunaan Sistem Bangunan Perindustrian dan Teknologi Bangunan Hijau untuk menggalakkan perubahan lebih besar ke arah penggunaan jentera dan peralatan. Sementara itu, pekerja asing akan menerima kad pengenalan khusus sebagai usaha untuk membendung jumlah pendatang tanpa izin di negara ini. Fasa pertama kad tersebut akan dikeluarkan kepada pekerja asing pada awal November 2013.

⁸ Pekerja asing yang berdaftar di bawah Pas Lawatan Kerja Sementara aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Peralihan daripada ekonomi yang berasaskan sumber ke arah ekonomi berasaskan perkhidmatan, industri utama Malaysia memerlukan tenaga kerja berlatar belakang berbeza. Peralihan ke arah aktiviti bernilai tambah tinggi memerlukan sejumlah besar bakat terbaik dan **ekspatriat** berkemahiran tinggi. Sejak 2004 hingga 2010, ekspatriat berkemahiran tinggi di Malaysia telah menurun sebanyak 25%. Penurunan bilangan ekspatriat yang bekerja di negara ini membimbangkan kerana mereka penting dalam meningkatkan daya saing dan keupayaan inovatif tenaga kerja tempatan. Oleh itu, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pembaharuan struktur untuk menangani isu ini, antaranya ialah Pas Residen-Bakat yang diperkenalkan pada 1 April 2011 dan penubuhan pusat sehenti bagi perkhidmatan ekspatriat di Jabatan Imigresen Malaysia. Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat telah dilancarkan pada 3 Disember 2012 dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku pertama 2014. Sehingga akhir Ogos 2013, bilangan ekspatriat berjumlah 44,938. Ekspatriat ini, terutamanya bekerja dalam sektor perkhidmatan (15,746; 35%) serta industri petroleum (8,654; 19.3%) dan teknologi maklumat (8,410; 18.7%). Negara India mencatat bilangan ekspatriat tertinggi sebanyak 8,462 merangkumi 18.8% daripada jumlah ekspatriat di Malaysia.

Prospek 2014

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan dijangka lebih kukuh

Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang antara 5% – 5.5% pada 2014 (2013: 4.5% – 5%) disokong oleh permintaan domestik yang menggalakkan dan persekitaran luar yang bertambah baik. Pertumbuhan ini akan diterajui oleh sektor swasta, disokong oleh perbelanjaan modal swasta yang teguh sementara penggunaan swasta akan terus kekal berdaya tahan. Walaupun wujud ketidaktentuan dalam persekitaran global yang disebabkan oleh ketidakstabilan aliran modal yang berkaitan dengan kemungkinan pengurangan

kecairan global, sektor luar Malaysia dijangka bertambah baik. Perkembangan ini adalah sejajar dengan pemulihran ekonomi berterusan dalam kalangan negara maju serta aktiviti perdagangan serantau yang lebih kukuh yang mana terbukti dalam tempoh separuh kedua 2013. Prospek yang lebih baik bagi sektor luar Malaysia adalah berasaskan pertumbuhan KDNK benar China yang dijangka kekal sekitar 7.5%, manakala perdagangan global akan terus berkembang pada kadar yang stabil sebanyak 5% pada 2014.

Momentum pertumbuhan permintaan domestik dijangka terus kukuh, didorong terutamanya oleh sektor swasta. Asas domestik yang kukuh, termasuk kadar pengangguran yang rendah, pendapatan isi rumah yang meningkat dan keyakinan pengguna yang mampu akan menyokong pengembangan berterusan penggunaan swasta. Pertumbuhan pelaburan swasta dijangka terus kukuh sejajar dengan peningkatan permintaan luar dan aktiviti domestik. Perbelanjaan awam sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan.

Asas makroekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh. Keadaan pasaran buruh dijangka menggalakkan dengan kadar pengangguran pada 3.1%. Pasaran buruh dijangka disokong oleh peningkatan pekerjaan, terutamanya dalam industri berkaitan perkhidmatan dan industri pembuatan berorientasikan eksport selaras dengan penggunaan domestik yang kukuh dan permintaan luar yang semakin baik. Inflasi dijangka kekal terkawal antara 2% – 3% pada 2014. Kenaikan IHP sebahagian besarnya mencerminkan perubahan harga bahan api pada September 2013. Harga makanan global, seperti yang dilaporkan oleh FAO, dijangka kekal stabil kerana pasaran komoditi makanan dijangka lebih seimbang pada 2013 dan 2014. Inflasi yang dipacu oleh permintaan domestik dijangka kekal sederhana, meskipun peningkatan pengembangan kapasiti dan penambahan produktiviti. Tekanan terhadap kos pengeluar dijangka terkawal, berikutan harga tenaga dan komoditi yang stabil. Oleh itu, PNK per kapita nominal dijangka meningkat 6.2%

kepada RM34,126 (2013: 4.2%; RM32,144). Dari segi Pariti Kuasa Beli (PPP), pendapatan per kapita dijangka meningkat 2.6% kepada USD17,173 (2013: 1.3%; USD16,743).

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan yang menyeluruh

Dari sudut penawaran, sektor ekonomi utama dijangka mencatat prestasi yang lebih baik pada 2014, disokong oleh asas domestik yang kukuh dan permintaan luar yang bertambah baik. Sektor perkhidmatan akan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan dengan pertumbuhan menyeluruh dalam semua subsektor. Secara khususnya, subsektor perkhidmatan berkaitan pelancongan akan didorong oleh TMM 2014 dan pembukaan KLIA2 pada 2014. Sektor pembuatan berorientasikan eksport dijangka mendapat manfaat dari permintaan luar yang bertambah baik dengan aktiviti pembuatan yang lebih tinggi. Manakala, pertumbuhan sektor perlombongan dijangka meningkat disokong oleh keluaran gas asli dan minyak mentah yang lebih tinggi. Peningkatan pengeluaran komoditi makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan serta pengeluaran mampan CPO dan getah dijangka akan menyokong pertumbuhan sektor pertanian. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan dijangka akan dipacu oleh pelaksanaan pantas projek kejuruteraan awam dalam segmen pengangkutan, utiliti dan O&G.

Pada 2014, pertumbuhan **sektor perkhidmatan** dijangka meningkat 5.7% (2013: 5.5%) disokong oleh pengembangan dalam semua subsektor. Subsektor berorientasikan pengguna seperti perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran akan terus dipacu oleh penggunaan swasta yang kukuh. Subsektor ini akan turut mendapat manfaat daripada peningkatan ketibaan pelancong berikutan aktiviti dan kempen khas untuk mempromosikan TMM 2014. Subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka meningkat 5.9% (2013: 5.7%) serta penginapan dan restoran

6.6% (2013: 5.7%) pada 2014. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dianggar berkembang 6.2% (2013: 5.2%) dipacu oleh aktiviti ekonomi domestik yang mapan dan peningkatan bilangan penumpang disokong oleh pembukaan KLIA2. Subsektor kewangan dan insurans dijangka meningkat 3.6% (2013: 2.8%) mencerminkan permintaan pembiayaan yang meningkat. Sementara itu, subsektor komunikasi dijangka berkembang 9.6% (2013: 9.4%) dipacu oleh permintaan perkhidmatan selular dan jalur lebar yang kukuh berikutan persaingan sengit dan usaha menaik taraf perkhidmatan yang berterusan oleh industri telekomunikasi.

Prospek bagi **sektor pembuatan** dijangka bertambah baik dengan pemulihran aktiviti pembuatan yang berterusan, terutamanya subsektor E&E. Sejajar dengan ekonomi global dan perdagangan serantau yang semakin baik, industri berorientasikan eksport seperti E&E, kimia dan industri berdasarkan sumber dijangka menyokong pertumbuhan. Pertumbuhan industri berorientasikan domestik seperti subsektor bahan berkaitan pembinaan, kelengkapan pengangkutan dan makanan juga dijangka kekal kukuh. Sektor pembuatan diunjur berkembang 3.8% pada 2014 (2013: 3.2%).

Sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan 3% (2013: 2.7%) berikutan pertambahan permintaan bagi minyak sawit dan getah dari pasaran eksport utama, selaras dengan prospek yang lebih baik pada 2014. Pengeluaran CPO dijangka terus meningkat, berikutan hasil FFB yang lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan kawasan matang, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Pengeluaran getah juga dijangka meningkat secara berterusan berikutan harga getah yang stabil dan permintaan kukuh yang akan menggalakkan penorehan dalam kalangan pekebun kecil. Komoditi makanan, terutamanya ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran serta perikanan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan, berikutan pelbagai inisiatif Kerajaan melalui Projek Permulaan (EPP) NKEA untuk memastikan pengeluaran makanan domestik

yang mencukupi. Tambahan pula, pelaburan dalam industri hiliran minyak sawit dan getah akan meningkatkan pertumbuhan dalam sektor pertanian.

Sektor perlombongan dijangka berkembang 3.1% pada 2014 (2013: 2.2%), mencerminkan peningkatan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat didorong oleh pemulihan dalam pengeluaran medan minyak matang dan tambahan keluaran daripada medan minyak baharu. Sementara itu, keluaran gas asli dijangka terus berkembang berikutan peningkatan permintaan, terutamanya dari industri petrokimia dan utiliti. Tambahan pula, peningkatan pelaburan dalam O&G oleh PETRONAS akan menyokong pengeluaran bagi 2014. Harga minyak dunia, meskipun dipengaruhi oleh kekangan penawaran dan ketidaktentuan isu politik, dijangka kekal stabil disebabkan oleh permintaan dan bekalan yang kukuh. Namun demikian, kemungkinan kekurangan kecairan global boleh menyebabkan harga minyak menyederhana. Pada 2014, Dated Brent dijangka diniagakan pada purata USD105 dan Tapis sebanyak USD110.

Pertumbuhan dalam **sektor pembinaan** dijangka meningkat pada kadar sederhana sebanyak 9.6% pada 2014 (2013: 10.6%) disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang perlahan dalam subsektor kejuruteraan awam, berikutan beberapa projek infrastruktur utama telah siap. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pantas projek kejuruteraan awam yang berkaitan dengan pengangkutan dan O&G akan terus menyokong pertumbuhan. Sementara itu, subsektor kediaman dijangka kekal kukuh, berikutan permintaan untuk perumahan yang meningkat, terutamanya daripada golongan berpendapatan pertengahan. Pelaksanaan projek perumahan PR1MA dijangka akan dipercepatkan bagi mencapai sasaran dalam menyediakan 80,000 unit rumah bagi kumpulan berpendapatan pertengahan menjelang 2015. Aktiviti dalam subsektor bukan kediaman dijangka kekal stabil, walaupun pada

kadar yang perlahan disokong oleh perniagaan yang cergas dan aktiviti perindustrian serta sentimen pengguna yang lebih baik.

Permintaan Domestik

Pertumbuhan diterajui oleh sektor swasta

Ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh pada 2014, seiring dengan prospek yang lebih baik bagi pertumbuhan ekonomi global dan perdagangan antarabangsa dan aktiviti ekonomi domestik yang kukuh. Faktor positif yang menyokong permintaan domestik pada 2013 dijangka berterusan pada 2014. **Perbelanjaan sektor swasta** dijangka berkembang 7.8% (2013: 9.5%) disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan. **Perbelanjaan sektor awam** akan kekal menyokong pertumbuhan walaupun dalam proses konsolidasi.

Penggunaan swasta akan lebih menyeluruh dan dijangka berkembang 6.2% (2013: 7.4%). Perkembangan ini dijangka disokong oleh peningkatan pendapatan hasil daripada pertumbuhan berterusan dalam industri berorientasikan domestik dan prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih baik. Tambahan pula, harga komoditi yang stabil dan kesan peningkatan pendapatan daripada prestasi pasaran saham yang kukuh akan meningkatkan lagi pendapatan boleh guna isi rumah dan menyokong perbelanjaan penggunaan. **Penggunaan awam** dijangka berkembang 3.3% (2013: 7.3%) disokong oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Peningkatan dalam bekalan dan perkhidmatan mencerminkan usaha berterusan oleh Kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.7% (2013: 16.2%) sejajar dengan inisiatif Kerajaan untuk merancakkan penyertaan sektor swasta dalam ekonomi. Pelaburan dalam industri berorientasikan domestik akan terus kukuh, terutamanya dalam subsektor perkhidmatan berkaitan pengguna dan pembuatan

berorientasikan domestik. Sementara itu, perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan eksport dijangka meningkat berikutan permintaan luar yang lebih baik. Aktiviti pelaburan dijangka lebih cergas dalam bidang pertumbuhan baharu, bernilai tambah dan berteknologi tinggi serta industri berintensif pengetahuan seperti industri bioteknologi dan farmaseutikal, telekomunikasi, teknologi hijau dan automotif. Pelaksanaan berterusan projek ETP serta pelaburan dalam sektor O&G dan berkaitan pembinaan dijangka meningkatkan aktiviti pelaburan swasta.

Pelaburan awam dijangka merosot 2.7% (2013: 5.5%) sebahagiannya disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah berikutan pelaksanaan projek pembangunan yang pantas dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Perbelanjaan pembangunan ini akan memberi fokus dalam memastikan pertumbuhan dan pembangunan yang lebih seimbang di seluruh wilayah dalam negara. Perbelanjaan ini disalurkan, terutamanya kepada sektor ekonomi dan sosial dengan penekanan khas kepada pembangunan infrastruktur, pendidikan dan latihan serta program penjagaan kesihatan.

Perbelanjaan modal oleh PABK dijangka menyederhana berikutan kesan asas yang tinggi pada 2013. Perbelanjaan ini tertumpu kepada aktiviti huluan O&G, telekomunikasi, pembinaan serta sektor pengangkutan dan utiliti. Sementara itu kerja-kerja pembinaan MRT telah menunjukkan kemajuan, dengan fasa pertama dijangka siap pada akhir Disember 2016.

Kedudukan Sumber Negara

Jurang tabungan pelaburan kekal mencatat lebih

Selaras dengan jangkaan aktiviti ekonomi domestik yang kukuh dan pendapatan eksport yang lebih baik, pendapatan negara dijangka terus meningkat 7.5% pada 2014 (2013: 5.5%).

Tabungan sektor awam dijangka meningkat disebabkan oleh keuntungan operasi yang lebih tinggi daripada PABK bagi 2014. Walau bagaimanapun, tabungan sektor swasta dijangka meningkat perlahan sebanyak 0.9% kepada RM254.7 bilion atau 24.8% daripada PNK, mencerminkan perbelanjaan penggunaan isi rumah yang tinggi. TNK dijangka berkembang 6.8% kepada RM320.8 bilion. Memandangkan peningkatan yang lebih tinggi bagi pelaburan dalam negara kasar berbanding TNK, jurang tabungan pelaburan dijangka semakin mengecil kepada RM23.9 bilion atau 2.3% daripada PNK pada 2014 (2013: RM26.6 bilion; 2.8%).

Sektor Luar Negeri

Permintaan luar negeri semakin baik

Prospek ekonomi global yang lebih baik pada 2014 dijangka memacu pertumbuhan eksport Malaysia. Harga komoditi yang stabil dan permintaan domestik yang kukuh akan terus menyokong prestasi perdagangan negara. Lebihan dagangan dijangka dapat dikekalkan seiring dengan pemuliharan permintaan luar negeri. **Eksport kasar** dijangka pulih 2.5% pada 2014 (2013: -0.4%) dipacu oleh eksport pembuatan yang lebih tinggi didorong oleh permintaan serantau yang lebih kukuh bagi produk berasaskan sumber dan barang elektronik. Eksport komoditi dijangka berkembang pada kadar yang lebih kukuh disebabkan oleh asas yang rendah pada 2013 dengan harga komoditi dijangka kekal stabil.

Import kasar dijangka berkembang 3.8% (2013: 4.6%), berikutan import barang pengantara yang meningkat sejajar dengan aktiviti pembuatan yang lebih tinggi. Sementara itu, import barang modal dan barang penggunaan dijangka kekal kukuh. Akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit yang lebih rendah, disebabkan terimaan bersih perjalanan yang meningkat sempena TMM 2014, manakala bayaran bersih akaun pengangkutan lebih tinggi berikutan peningkatan penghantaran barang oleh syarikat perkapalan asing. Oleh itu, lebihan dalam **akaun barang**

dan perkhidmatan dijangka mengecil kepada RM72.3 bilion (2013: RM76.7 bilion) sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan import yang dipacu oleh aktiviti pelaburan.

Pada 2014, **akaun pendapatan primer** dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM29.6 bilion (2013: -RM32.5 bilion) terutamanya disebabkan oleh bayaran bersih yang lebih rendah bagi pendapatan pelaburan dan pampasan pekerja. Sementara itu, MNC yang beroperasi di Malaysia dijangka menghantar balik keuntungan dan dividen yang lebih tinggi

pada 2014 berikutan jangkaan yang lebih baik bagi sektor berorientasikan eksport, dianggar separuh daripada pendapatan tersebut dijangka dikekalkan di Malaysia untuk pelaburan semula. Sementara itu, defisit dalam **akaun pendapatan sekunder** dijangka meningkat kepada RM18.9 bilion (2013: -RM17.6 bilion) disebabkan oleh remitan wang pekerja asing yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan perintah gaji minimum sepenuhnya. Secara keseluruhannya, **akaun semasa** dijangka mencatat lebihan sebanyak RM23.9 bilion atau 2.3% daripada PNK pada 2014 (2013: RM26.6 bilion; 2.8%).